

“SEBAGAI jentera pentadbiran kerajaan, Perkhidmatan Awam adalah memainkan peranan utama untuk terus menjana gagasan baru, meningkatkan kapasiti dan mempertemukan kaedah-kaedah bukan konvensional untuk menangani keperluan negara yang kian kompleks dan mencabar di abad ke-21 ini.”
- Titah Sempena Menyambut Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam pada 23 Februari 2012.



“DAN sesiapa yang tidak menetapkan hukum mengikut apa yang telah diturunkan oleh Allah maka mereka itulah orang-orang yang fasiq.”
- (Firman Allah Subhanahu Wata’ala dalam Surah Al Maa-idah ayat 47).

Mengurniakan Watikah dan menerima Surat Tauliah Pelantikan

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 25 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, petang ini, berkenan mengurniakan Surat Watikah Pelantikan kepada bakal-bakal Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam yang baru dilantik masing-masing ke Kemboja dan Republik Islam Iran dan menerima Surat-surat Tauliah Pelantikan daripada tiga orang Duta Besar negara-negara sahabat yang baru ke negara ini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia mula-mula berkenan mengurniakan Surat Watikah Pelantikan kepada bakal Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Kemboja, Tuan Yang Terutama Pengiran Kasmirhan bin Pengiran Haji Mohammad Tahir (44). Sebelum ini Tuan Yang Terutama dilantik sebagai Setiausaha Tetap (Politik) di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan (KHELNP).

Kebawah DYMM seterusnya berkenan mengurniakan Surat Watikah Pelantikan kepada bakal Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Republik Islam Iran, TYT Awang Haji Mulok bin Haji Jumat (53) yang sebelum ini menjawat jawatan sebagai Pegawai Pentadbiran Kanan di KHELNP.

Ke muka 3

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan bergambar bersama bakal-bakal Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam yang baru dilantik ke Kemboja TYT Pengiran Kasmirhan bin Pengiran Haji Mohammad Tahir dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Republik Islam Iran, TYT Awang Haji Mulok bin Haji Jumat. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman. (Lagi berita dan gambar-gambar dimuatkan ke muka 3).



Memastikan pendidikan perlu relevan, berkesan

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani,
Norrasidah Jumat, Abdul Taib Haji Jais



Muka 4

GALAKKAN belia dalam kegiatan keagamaan



Muka 5

TINGKATKAN kefahaman belia terhadap Al-Qur'an

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 22 Februari. - Suasana pendidikan pada abad ke-21 adalah amat mencabar dan sentiasa mengalami arus perubahan yang cepat yang mana tuntutan pengajaran dan pembelajaran sentiasa didorong oleh keadaan dunia yang pesat berubah.

Untuk memastikan sistem pendidikan dari peringkat rendah, menengah, teknikal/vokasional mahupun pengajian tinggi di negara ini sentiasa efektif adalah amat mencabar dan untuk menghadapi cabaran ini, pembaharuan dan pembangunan adalah perlu bagi pendidikan untuk kekal relevan dan berkesan.

Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong menekankan perkara itu pada Sesi Muzakarah Kementerian Pendidikan Bersama Ahli-Ahli MMN, berlangsung di Bilik Persidangan, Pusat Tingkatan Enam Sengkabung, di sini.

Terdahulu Yang Berhormat menjelaskan, seperti yang dimaklumi, selaras dengan wawasan 2035, kita berhasrat menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara yang dikenali di seluruh dunia dengan rakyat yang berpengetahuan tinggi, berkemahiran dan berjaya menjelang

tahun 2035.

Menurut Yang Berhormat, tunjang kepada kejayaan untuk mencapai Wawasan Brunei 2035 tersebut adalah sebahagiannya bergantung kepada sektor pendidikan negara ini.

“Peranan dan tanggungjawab Kementerian Pendidikan adalah amat besar sekali. Ini jelas tergambar daripada Peruntukan Bajet Kementerian Pendidikan adalah antara yang tertinggi di negara ini dan ini menunjukkan betapa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengambil berat tentang pendidikan dalam aspek pembangunan negara ini,” ujar Yang Berhormat.

Pada tahun 2009 jelas Yang Berhormat, sebagaimana yang dimaklumi Kementerian Pendidikan telah melancarkan Sistem Pendidikan Negara Abad Ke-21 (SPN21).

Kata Yang Berhormat, transformasi ini bertujuan melengkapkan pelajar dengan kemahiran penting yang diperlukan dalam memenuhi cabaran sosial dan ekonomi abad ke-21 di mana SPN21 adalah sejajar ke arah memenuhi Wawasan Brunei 2035.

Ke muka 24

SPN21 memenuhi Wawasan Brunei 2035

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

ALHAMDULILLAH, kita mengucapkan syukur ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ata yang dengan izinNya kita bersama-sama hadir dalam majlis sesi muzakarah bersama Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara dan mohon maaf terlewat sedikit kerana untuk membuat lawatan ke prasarana baru PTES, untuk memberi pandangan singkat terhadap sekolah.

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada para ahli-ahli Yang Berhormat di atas kesudian untuk sama-sama hadir dan meluangkan masa untuk sesi muzakarah ini. Semoga ianya akan dapat membawa manfaat yang besar kepada kita semua khususnya bagi pihak ahli-ahli Yang Berhormat dalam sama-sama memahami usaha dan inisiatif yang telah dan sedang dilakukan oleh Kementerian Pendidikan. Sesi muzakarah ini juga diharapkan akan dapat memberikan peluang pencambahan fikiran bagi kita semua dalam menangani isu-isu yang berkaitan dengan pendidikan.

Seperti yang kita maklum selaras dengan Wawasan 2035, kita berhasrat menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara yang dikenali di seluruh dunia dengan rakyat yang berpengetahuan tinggi, berkemahiran dan berjaya menjelang Tahun 2035. Tunjang kepada kejayaan untuk mencapai Wawasan Brunei 2035 tersebut adalah sebahagiannya bergantung kepada sektor pendidikan negara ini. Oleh itu, peranan dan tanggungjawab Kementerian Pendidikan adalah amat besar sekali ini jelas tergambar daripada Peruntukan bajet Kementerian Pendidikan adalah antara yang tertinggi di Negara ini dan ini menunjukkan betapa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengambil berat tentang pendidikan dalam aspek pembangunan Negara ini.

Suasana pendidikan di abad ke 21 adalah amat mencabar dan sentiasa mengalami arus perubahan yang cepat. Tuntutan pengajaran dan pembelajaran sentiasa didorong oleh keadaan dunia yang pesat berubah. Oleh itu, untuk memastikan sistem pendidikan kita dari peringkat rendah, menengah, Teknikal / Vokasional mahupun pengajian tinggi, sentiasa efektif, adalah amat mencabar. Untuk menghadapi cabaran ini, pembaharuan dan pembangunan adalah perlu bagi pendidikan untuk kekal relevan dan berkesan.

Pada tahun 2009, sebagaimana yang dimaklumkan Kementerian Pendidikan telah melancarkan Sistem Pendidikan negara untuk abad ke-21 (SPN21). Transformasi ini bertujuan melengkapkan pelajar dengan kemahiran penting yang diperlukan dalam memenuhi cabaran sosial dan ekonomi



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apeng semasa berucap pada Sesi Muzakarah Kementerian Pendidikan Bersama Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) pada 22 Rabiulakhir 1435 Hijriah / 22 Februari 2014 Masihi di Pusat Tingkatan Enam Sengkuring.

abad ke-21. SPN21 adalah sejajar ke arah memenuhi Wawasan Brunei 2035.

Perubahan yang paling ketara yang dibawa, oleh SPN21 ialah dalam struktur pendidikan dan kurikulum. Rangka kurikulum, sebagai contoh, dibina di atas tanggapan bahawa pembelajaran adalah berterusan dan bahawa tujuan penting dalam persekolahan adalah untuk membentuk pelajar secara holistik, peningkatan pencapaian, pembangunan kemahiran pembelajaran sepanjang hayat dan menyediakan pelajar dengan kemahiran yang bernilai dan relevan kepada industri.

Sistem pendidikan hari ini tidak akan relevan jika kita tidak dapat merapatkan jurang antara bagaimana pelajar akan belajar dan bagaimana mereka akan menjalani kehidupan kerana apa yang sesuai hari ini mungkin tidak begitu pada masa hadapan. Oleh itu, SPN21 juga bertujuan untuk menambah nilai dan meningkatkan kualiti pendidikan selaras dengan keperluan semasa dan keperluan yang dijangka pada tahun-tahun akan datang. Apa yang penting lagi SPN21 juga akan tetap mendorong dan membangunkan nilai, etika dan peradaban di kalangan para pelajar selaras dengan falsafah negara Melayu Islam Beraja atau (MIB).

Secara ringkasnya, struktur pendidikan SPN21 adalah dilakar untuk membawa yang terbaik kepada para pelajar dengan menyediakan pelbagai laluan atau *multiple pathway* Kepada pelajar untuk memilih program yang sesuai dengan keupayaan mereka minat kecenderungan demi

memenuhi keperluan mereka. Ciri unik ini akan membolehkan para pelajar untuk disalurkan ke arah pelbagai laluan kerjaya atau pendidikan tinggi yang berasaskan kelayakan dan potensi mereka.

Pada sesi muzakarah pagi ini kita akan berpeluang mendengarkan taklimat mengenai inisiatif-inisiatif induk ataupun 'Grand Initiatives' Kementerian Pendidikan dan berkongsi maklumat mengenai perkara-perkara yang telah dibangkitkan pada Sesi Persidangan MMN pada tahun lepas.

Tujuh 'Grand Initiatives' tersebut adalah : Kualiti Guru dan Professionalisme, Pembangunan Kepimpinan, Numerasi dan Literasi e-Hijrah, Sekolah Contoh (Model School), Transformasi pendidikanTeknikal dan Talent Pipeline.

Adalah juga dimaklumkan bahawa ketujuh-tujuh inisiatif ini adalah dirangka setetah melalui pelbagai sesi muzakarah dan perbincangan strategik bersama semua Jabatan-Jabatan dan pihak-pihak yang berkepentingan di dalam dan di luar Kementerian Pendidikan. Kesemua tujuh 'Grand Initiatives' ini adalah bermatlamatkan kepada hasrat mutlak untuk menyediakan generasi muda belia kita yang berkemahiran dan pendidikan tinggi yang akan mampu meraih peluang pekerjaan dan seterusnya insya-Allah akan mampu mengurangkan kadar pengangguran di negara ini sesuai dengan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Titah Baginda pada Perutusan Awal Tahun Masihi 2014 baru-baru ini.

Banyak cabaran telah dan akan bakal dilalui. Tetapi, perjalanan transformasi harus diteruskan. Kita akan terus berusaha untuk membangun rakyat Brunei Darussalam yang berkemahiran dan berpendidikan. Untuk mencapai kejayaan hasrat ini, Kementerian Pendidikan memerlukan sokongan semua pihak terutama para pemimpin masyarakat, agensi-agensi kerajaan, industri dan komuniti. Kehadiran ahli-ahli Behormat sekalian pada hari ini adalah sekali lagi bagi pihak Kementerian Pendidikan saya ucapkan berbilang terima kasih. Saya dan rakan-rakan di Kementerian Pendidikan ini mengalu-alukan kesediaan ahli-ahli Yang Berhormat dalam menyumbang dengan memberikan buah fikiran semasa sesi muzakarah ini nanti. Sokongan ini akan menyuntik dan menyemarakkan lagi semangat warga. Kementerian Pendidikan untuk terus berjuang dan bergerak maju ke hadapan.

Saya percaya dan penuh yakin dengan adanya kerjasama rapat antara kita semua, antara ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dengan Kementerian Pendidikan akan membuahkan hasil jangka panjang dan akhirnya akan meningkatkan lagi kejayaan pendidikan di negara kita demi masa depan generasi kita, Insyaa-Allah.

Dari Sidang Pengarang.

26 FEBRUARI 2014 BERSAMAAN 1435 ربيع الأخير 26

AKC BANTU EKONOMI, KEMAKMURAN DAN KESEJAHTERAAN MASYARAKAT

PERANAN dan kewibawaan Majlis Perundingan Kampung (MPK) melalui penghulu dan ketua kampung di seluruh negara terserlah dengan adanya program Anugerah Kampung Cemerlang (AKC) yang merupakan salah satu program untuk mendorong MPK mencapai kecemerlangan untuk mewujudkan masyarakat produktif yang berkualiti, di samping untuk meningkatkan kemajuan dan kesejahteraan rakyat yang lebih 'sustainable' di negara ini.

Melalui AKC, kita akan dapat melihat sejauh mana kepimpinan yang ada di kampung-kampung menerusi MPK untuk berusaha mengangkat taraf kegiatan kampung masing-masing dengan motif mencemerlangkan kampung. Dan seterusnya akan dapat pula mengangkat tahap kesejahteraan anak-anak kampung dan masyarakatnya kerana skim ini adalah berpaksikan kerjasama berkumpulan yang tidak terhad setakat menghasilkan produk barangan dan perkhidmatan bahkan ia juga meliputi bidang pengurusan kampung, kegiatan kebajikan, pendidikan, sukan dan lain-lain kegiatan kemasyarakatan, kerana Majlis Perundingan Mukim dan Kampung adalah i jentera penggerak, pemikir dan perancang bagi pembangunan masyarakat di kawasan masing-masing.

Pada tahun ini, 23 buah daripada 104 buah MPK telah berjaya terpilih memasuki Peringkat Kebangsaan AKC Kali Ke-3 Sesi 2012 - 2013 yang akan diadakan esok, hari Khamis, 27 Februari 2014 di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. AKC Pertama (2008-2009) berlangsung pada tahun 2010, sementara anugerah AKC kedua (2010-2011) berlangsung pada tahun 2012.

Bagi tujuan itu, lima anugerah akan diberikan sebagai pengiktirafan dan dorongan kepada MPK yang berjaya termasuk Anugerah Emas, Anugerah Perak, Anugerah Gangsa, Penghargaan dan Penyeritaan, yang mana setiap pemenang akan diberikan hadiah wang tunai dan bantuan 'Grant' yang cukup lumayan untuk menggiatkan projek pembangunan dan kesejahteraan kampung masing-masing.

Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) yang berperanan utama dalam melaksanakan program tersebut patut dipuji dalam usahanya lebih fokus bagi menggalakkan lebih banyak penyertaan dalam Skim AKC yang sangat berfaedah dan sebagai pemangkin semangat bekerjasama, bersatu padu dalam kalangan masyarakat kampung.

Ianya juga adalah bertepatan dengan objektif utama AKC ini dianjurkan iaitu bagi mempertingkatkan amalan kerjasama, semangat memucang-mucang, berinisiatif dan berpenglibatan aktif seluruh penduduk kampung untuk melahirkan masyarakat yang kuat beragama, harmoni, bersatu padu, berdisiplin, kreatif dan produktif.

AKC juga adalah merupakan salah satu usaha berterusan KHEDN dalam mengangkat MPK mencapai kejayaan dan melonjak ke arah kecemerlangan yang berterusan dan untuk meningkatkan lagi keberkesanan kepimpinan akar umbi ketua kampung di Negara Brunei Darussalam, selaku Pengerusi MPK yang mana keberkesanan kepimpinan institusi penghulu dan ketua kampung adalah penting sebagai teras dan landasan ke arah meningkatkan kualiti kehidupan masyarakat di mukim dan kampung sebagai penghubung kerajaan dengan rakyat dan rakyat dengan kerajaan.

Majlis AKC yang diadakan dua tahun sekali ini diharapkan agar setiap kampung akan sentiasa terpacang untuk lebih berusaha memajukan kampung masing-masing bukan saja demi pertandingan malah demi kepentingan dan kemaslahatan masyarakat mukim dan kampung itu sendiri.

Projek 1K1P yang ditubuhkan pada Mac 2010 itu adalah salah satu 'focal point' membawa masyarakat mukim dan kampung untuk lebih kreatif, inovatif, berdikari, berdisiplin, berdaya tahan, berdaya saing, mempunyai semangat yang kental serta inginkan kemajuan dan keharmonian, meningkatkan keupayaan masyarakat kampung ke arah 'sara diri dan bantu diri'. Di samping dapat mewujudkan peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan dan seterusnya produk-produk kampung akan meningkat menjadi produk-produk tempatan yang berskala besar, yang mendapat pasaran lebih meluas.

Skim AKC kali ketiga tahun ini diharap akan menjadi pendorong kepada usaha-usaha memacu kesejahteraan dan sebagai badan pergerakan kemasyarakatan masyarakat kampung. Apa yang penting rakyat dan penduduk, khasnya mereka yang memiliki tubuh badan yang sihat di negara ini, akan terus rajin berusaha meningkatkan diri dan kemahiran yang boleh menolong mereka mencari rezeki atau menambahkan pendapatan, di samping membantu meningkatkan ekonomi negara. - **Ketua Penyuntingan. (Zs)**

SIDANG PENGARANG PELITA BRUNEI, JABATAN PENERANGAN

Pemberitaan/Rencana

Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor,
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli,
Norliah Md. Zain,
Hezlinawati Haji Abdul Karim,
Haji Aliddin Haji Moktal,
Ak. Jeffery Pg. Durahman,
Haniza Abdul Latif,
Abdullah Asgar,
Abu Bakar Haji Abdul Rahman,
Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad,
Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman,
Dk. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim,
Rohani Haji Abdul Hamid,
Nooratini Haji Abas,
Khartini Hamir,
Saerah Haji Abdul Ghani,
Aimi Sani,
Noraisah Muhammed,
Aryentty Haji Arifin

Ketua Penyuntingan

Ali Termizzi Haji Ramlli / Haji Ramli,
Hajah Zabaidah Haji Salat,
Samle Haji Jait

Penyemakan

Abdul Hadi Haji Suhaili,
Haji Besar Haji Mamit,
Hajah Norliha Haji Salleh,
Ramlah Md. Nor,
Nurul Hazwani Abu Omar,
Siti Faizahaniisah Awang Mahani,
Dk. Nur Ridzwana Pg. Abd. Aziz

Juruteknik Foto

Hatral Hazmi Abdul Hamid,
Jurainah Haji Jait,
Nornasyirah Nordin

Penyuntingan

Haji Sahari Akim,
Pg. Haji Waliyuddin Pg. Haji Ahmad,
Siti Muslihat Haji Salleh,
Bolhassan Haji Abu Bakar,
Zawiyatun Ni'mah Mohd. Akir

Penterjemahan

Hajah Musmariani Haji Mohammad

Pereka Letak

Khairul Shaharim Haji Abdul Ghafor,
Haji Ahmad Haji Salim,
Mohammad Ike Iqrami Haji Suhaimi,
Muhammad Hamdanajib Haji Domeng,
Mohammad bin Kahar,
Wan Mohamad Sahrwan Wan Ahmadi,
Hajah Raini Haji Bidin,
Dk. Sahraini Pg. Haji Ismail

AMBULANS
991

POLIS
993

BOMBA
995

PENYELAMAT
998

PUSAT PEMEDULIAN PELANGGAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
140

ELEKTRIK
144

NDMC
2380214

Ramalan Cuaca Tiga Hari

	RABU	KHAMIS	JUMAAT
BANDAR SERI BEGAWAN	30°C 24°C	30°C 24°C	30°C 24°C
MUARA	30°C 24°C	30°C 24°C	30°C 24°C
PEKAN BANGAR	30°C 24°C	30°C 24°C	30°C 24°C
PEKAN TUTONG	30°C 24°C	30°C 24°C	30°C 24°C
PEKAN SERIA	30°C 24°C	30°C 24°C	30°C 24°C
KUALA BELAIT	30°C 24°C	30°C 24°C	30°C 24°C

Walaupun Binasabab
Sumber : Perkhidmatan Kaji-cuaca Brunei Darussalam
Jabatan Penerangan Awam
Telefon : 2330142 sambungan 1888/1851 atau Talian Cuaca : 114

Mengurniakan Watikah dan menerima Surat Tauliah Pelantikan



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Surat Watikah Pelantikan kepada bakal Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Kemboja, Tuan Yang Terutama Pengiran Kasmirhan bin Pengiran Haji Mohammad Tahir (kiri); bakal Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Republik Islam Iran, Tuan Yang Terutama Awang Haji Mulok bin Haji Jumat (tengah) dan berkenan menerima Surat Tauliah Pelantikan daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Kesultanan Oman ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Ahmed bin Hashel bin Rashed bin Hashel Al-Maskari (kanan).

Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said,
Hernie Sulaina Haji Othman

Dari muka 1

Baginda kemudiannya berkenan menerima Surat-surat Tauliah Pelantikan daripada tiga orang Duta Besar yang baru dilantik ke negara ini iaitu Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kesultanan Oman ke Negara Brunei Darussalam, TYT Ahmed bin Hashel bin Rashed bin Hashel Al-Maskari (49); Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Indonesia ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Nurul Qomar (55) dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik India ke Negara Brunei Darussalam, TYT Dr. Ashok Kumar Amrohi (58).

Di ruang lain Istana Nurul Iman, baginda berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Kemboja, TYT Pengiran Kasmirhan dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Republik Islam Iran, TYT Awang Haji Mulok.

Baginda seterusnya berkenan menerima mengadap secara berasingan tiga orang Duta Besar Istimewa dan Mutlak dari negara sahabat ke negara ini.

Mula-mula mengadap ke hadapan majlis baginda ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik India, TYT Dr. Ashok Kumar Amrohi ke Negara Brunei Darussalam. TYT sebelum ini dilantik sebagai Duta Besar dan Mutlak ke Mozambique dan Switzerland.

Baginda kemudian berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Indonesia ke Negara



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan menerima Surat Tauliah Pelantikan daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Indonesia ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Nurul Qomar (kiri) dan berkenan menerima Surat Tauliah Pelantikan daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik India ke negara ini, Tuan Yang Terutama Dr. Ashok Kumar Amrohi (kanan).

Brunei Darussalam, PYT Nurul Qomar yang sebelum ini telah menjawat jawatan sebagai Timbalan Ketua Perwakilan Kedutaan Republik Indonesia ke Negara Brunei Darussalam.

Akhir sekali Kebawah DYMM berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Kesultanan

Oman ke Negara Brunei Darussalam, TYT Ahmed bin Hashel bin Rashed bin Hashel Al-Maskari yang sebelum ini menjawat jawatan sebagai Penasihat kepada Menteri Pembangunan Masyarakat Kesultanan Oman.

Majlis-majlis berkenaan berlangsung di Istana Nurul Iman.



KEBAWAH DYMM berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Kemboja, TYT Pengiran Kasmirhan dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Republik Islam Iran, TYT Awang Haji Mulok.



BAGINDA berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik India ke negara ini, TYT Dr. Ashok Kumar Amrohi.



BAGINDA berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Indonesia ke negara ini, PYT Nurul Qomar.



BAGINDA berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Kesultanan Oman ke negara ini, TYT Ahmed bin Hashel bin Rashed bin Hashel Al-Maskari.

Majlis Penutup Khatam Al-Qur'an 30 Kali Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan:

Galakkan belia dalam kegiatan keagamaan



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan berangkat ke Majlis Penutup Khatam Al-Qur'an 30 Kali Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-30 Tahun.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 25 Februari. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, berkenan berangkat ke Majlis Penutup Khatam Al-Qur'an 30 Kali Sempena Sambutan Ulang Tahun

Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-30 tahun ini.

Keberangkatan tiba Yang Teramat Mulia di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, di sini dijunjung oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong; Menteri Pembangunan, Yang



Oleh : Abdullah Asgar

Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman dan Pemangku Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar.

Majlis bermula dengan bacaan Surah Al Faatihah dipimpin oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Mustapa bin Haji Murad.

Kemudian diteruskan dengan bacaan surah-surah khatam oleh para pentasmik terdiri daripada Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Bagawan (KUPU SB).

Manakala, bacaan Tahtim dan Dikir Marhaban dikepalai oleh para penuntut dari Ma'had Islam Brunei dan bacaan doa khatam pula dibacakan oleh Awang Ahmad Syuja'ie bin Mudim Haji Matassim.

Sementara di akhir majlis, bacaan doa selamat telah dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Mustapa bin Haji Murad.

Majlis Khatam Al-Qur'an 30 Kali bagi para pembaca lelaki itu merupakan salah satu projek anjuran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan dikendalikan oleh Jabatan Belia dan Sukan bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-30 Tahun.

Ia adalah julung kalinya diadakan yang telah melibatkan seramai 900 pembaca lelaki dan wanita termasuk daripada agensi-agensi kerajaan, persatuan-persatuan belia, sekolah-sekolah, mantan Program Khidmat Bakti Negara, badan sukarelawan, orang perseorangan dan para belia sendiri.

Tujuan majlis adalah untuk meningkatkan kefahaman belia tentang kepentingan membaca dan menghayati Al-Qur'an sebagai panduan hidup, selain

bagi mempertingkatkan dan mengukuhkan persefahaman dan kerjasama di antara agensi-agensi yang terlibat dalam pembangunan dan tarbiah belia.

Selain itu, majlis adalah bagi menggalakkan penglibatan belia dalam kegiatan keagamaan dan bagi menyemarakkan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-30 tahun ini dengan pengisian-pengisian yang bermanfaat terutama dengan pembacaan Al-Qur'an,

selaras dengan hasrat negara untuk menjadikan negara ini sebagai Negara Zikir.

Penganjuran majlis seumpama ini diharap akan dapat meningkatkan lagi penglibatan belia dalam kegiatan keagamaan yang sudah berupaya menjadi benteng buat generasi belia dalam menghadapi cabaran-cabaran yang mendatang juga sebagai pelapis dan penyambung kepimpinan pada masa hadapan.

Antara yang hadir termasuk beberapa Menteri Kabinet, Timbalan Menteri, Setiausaha Tetap dari beberapa buah kementerian dan para pegawai kanan kerajaan.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik berkenan menerima junjung ziarah para belia yang menyertai Majlis Penutup Khatam Al-Qur'an 30 Kali Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-30 Tahun (atas), sementara gambar atas sekali, YTM bersama-sama membaca Tahtim dan Dikir Marhaban.



LEBIH 500 pembaca Al-Qur'an lelaki yang terdiri daripada para belia dari Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Bagawan, agensi-agensi kerajaan, persatuan-persatuan belia, sekolah-sekolah, mantan Program Khidmat Bakti Negara, badan sukarelawan dan orang perseorangan serta para belia menyertai Majlis Penutup Khatam Al-Qur'an 30 Kali Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-30 Tahun (atas kiri, kiri dan atas).

Majlis Penutup Khatam Al-Qur'an 30 Kali Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan:

Tingkatkan kefahaman belia terhadap Al-Qur'an

Oleh : Saerah Haji
Abdul Ghani
Foto : Dk. Nur Hafilah
Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 25 Februari. - Seramai 400 peserta perempuan menyertai Majlis Penutup Khatam Al-Qur'an 30 Kali Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam pada tahun ini.

Berangkat ke majlis itu ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Keberangkatan tiba Yang Teramat Mulia di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, di sini dijunjung oleh Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman serta isteri-isteri, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Menteri Pendidikan, Menteri Pembangunan serta ahli-ahli jawatankuasa majlis.

Para peserta mewakili agensi-agensi kerajaan, persatuan-persatuan belia, sekolah-sekolah, bekas peserta Program Khidmat Bakti Negara, badan sukarelawan, orang-orang perseorangan dan golongan belia.

Atur cara majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah dibimbing oleh wakil Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB), Dayang Nurul 'Awatif binti Haji Abdul Rashid.

Bacaan Khatam Al-Qur'an dimulai oleh pentasmik-pentasmik terdiri daripada ITQSHHB,



Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) diikuti dengan

bacaan Tahtim dan Dikir Marhaban dipimpin oleh penuntut-penuntut dari Pusat Tingkatan Enam Sengkuring.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan berangkat menyertai Majlis Penutup Khatam Al-Qur'an 30 Kali Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan (atas, atas kiri, kiri).

Bagi memohon keberkatan, doa selamat dibacakan oleh wakil UNISSA, Dayang Nurhazwani binti Haji Abdul Rani.

Majlis Khatam Al-Qur'an 30 Kali anjuran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang dikendalikan oleh Jabatan Belia dan Sukan ini merupakan salah satu projek yang julung kalinya diadakan sempena

Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-30.

Melalui majlis ini akan meningkatkan kefahaman belia tentang kepentingan membaca dan menghayati Al-Qur'an sebagai panduan hidup, di samping mempertingkatkan dan mengukuhkan persefahaman dan kerjasama di antara agensi-agensi yang terlibat dalam pembangunan dan tarbiah belia ke arah menggalakkan penglibatan mereka dalam aktiviti keagamaan.

Selain itu, majlis juga bertujuan menyemarakkan sambutan ulang tahun Hari Kebangsaan tahun ini dengan pengisian-pengisian yang bermanfaat terutama dengan pembacaan Al-Qur'an, selaras dengan hasrat negara untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai Negara Zikir.

Penganjuran majlis seumpama ini diharap akan dapat meningkatkan lagi penglibatan belia dalam aktiviti keagamaan yang sudah setentunya berupaya menjadi benteng buat generasi belia dalam menghadapi cabaran-cabaran yang mendatang juga sebagai pelapis dan penyambung kepimpinan pada masa hadapan.



PARA peserta mewakili agensi-agensi kerajaan, persatuan-persatuan belia, sekolah-sekolah, bekas peserta Program Khidmat Bakti Negara, badan sukarelawan, orang-orang perseorangan dan golongan belia yang turut menyertai Majlis Penutup Khatam Al-Qur'an 30 Kali Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam pada tahun ini (atas dan bawah).



Pertunjukan bunga api meriahkan sambutan Hari Kebangsaan

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Masri Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 23 Februari. - Langit Bandar Seri Begawan bertaburan dengan dipenuhi warna-warni persembahan bunga api yang diadakan sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-30 Tahun.

Pertunjukan bunga api yang memukau ribuan penonton itu diadakan di Taman Jubli Perak Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Pengerusi Bersama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-30 Tahun 2014, Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong; Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman dan Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman hadir menyaksikan persembahan berkenaan.

Urusetia Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-30 Tahun 2014 menjelaskan pertunjukan bunga api itu merupakan sebagai acara sampingan bagi menyemarakkan lagi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-30 Tahun yang bertemakan 'Generasi Berwawasan'.

Pertunjukan ini dibuat dalam tiga segmen yang berdurasi selama 10 minit bagi setiap segmen.

Di samping itu juga, khemah-khemah jualan juga diadakan bagi memberi peluang kepada orang ramai berkunjung ke gerai-gerai yang disediakan dan beriadah bersama keluarga.

Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-30 Tahun 2014, Timbalan-Timbalan Menteri, Setiausaha-Setiausaha Tetap dan Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai kanan kerajaan juga hadir menyaksikan pertunjukan tersebut.



PERTUNJUKAN bunga api diadakan bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-30 Tahun.

Hari Konsultasi Sekolah Perdagangan 1 hingga 3 Mac 2014

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 24 Februari. - Sekolah Perdagangan, Jabatan Pendidikan akan mengadakan Hari Konsultasi untuk memberi peluang kepada orang ramai dan bakal pelajar mengetahui lebih lanjut mengenai Sekolah Perdagangan dan kursus-kursus yang ditawarkan bagi pengambilan bulan Julai 2014.

Hari Konsultasi itu akan diadakan pada hari Sabtu dan Isnin iaitu pada 1 dan 3 Mac 2014 dari pukul 8.30 hingga 11.30 pagi dan dari pukul 2.00 hingga 4.30 petang (sesi petang).

Objektif Hari Konsultasi tersebut ialah untuk memberi peluang kepada orang awam dan bakal pelajar menemui tenaga pengajar dan berinteraksi secara langsung mengenai kursus yang diminati, syarat kemasukan serta prospek kerjaya.

Orang awam dan bakal pelajar yang ingin mendapatkan maklumat lanjut mengenai kursus-kursus yang ditawarkan adalah dialu-alukan untuk hadir ke Sekolah Perdagangan di Jalan Pasar Baharu, Gadong pada hari tersebut.

Sebarang pertanyaan atau keterangan lanjut boleh menghubungi pihak sekolah di talian 2452113 semasa waktu pejabat.



HADIR selaku tetamu kehormat pada majlis itu ialah Pengerusi Bersama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-30 Tahun 2014, Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong; Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi dan Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman.

Kenali tanaman tempatan 'Tampoi Belimbing'

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 24 Februari. - Inisiatif bagi ristaan generasi muda dan akan datang untuk mengenal asal-usul nama dan sejarah Kampung Belimbing ialah dengan mengekalkan sejarahnya melalui penanaman pokok yang dikenali dengan pokok Tampoi Belimbing.

Sehubungan itu, pagi tadi diadakan Majlis Pengagihan dan Penanaman Pokok Tampoi Belimbing yang dihadiri oleh Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar dan isteri, Datin Hajah Norlina binti Dato Haji Abu Bakar, berlangsung di Taman Riadah Tasik Sarubing, di sini.

Juga hadir ialah Setiausaha-Setiausaha Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama serta pegawai-pegawai kanan kerajaan, ketua-ketua kampung di bawah Mukim Kota Batu dan para penduduk kampung berkenaan.

Terdahulu, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Gapor @Haji Mohd. Daud bin Karim, selaku Ketua Kampung Belimbing dan Pengerusi Majlis dalam ucapan alu-aluannya antara lain menjelaskan penanaman pokok tersebut juga bagi memeriahkan lagi suasana sempena Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-30 Tahun, di samping menyahut seruan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan bagi mengekalkan penghijauan kawasan.

Taman Riadah tersebut tambahnya, masih lagi mengekalkan penanaman buah-buahan asli tempatan yang mengeluarkan hasil seperti Durian, Belunu, Tibadak, Membangan, Tarap dan pelbagai buah yang lain.

Yang Berhormat dan datin seterusnya menanam pohon-pohon pokok berkenaan dan seterusnya menyaksikan persekitaran kawasan taman dan melihat hasil produk kampung tersebut.

Sebanyak 80 pohon pokok telah diagihkan kepada penduduk kampung untuk ditanam di kediaman masing-masing selain penanaman di taman berkenaan.

Yang Berhormat Awang Haji Gapor

Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi



MENTERI Perindustriaan dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar dan isteri, Datin Hajah Norlina binti Dato Haji Abu Bakar sama-sama menanam pokok Tampoi Belimbing di kawasan tersebut (atas) dan Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama mengagihkan pokok Tampoi Belimbing kepada Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Gapor @Haji Mohd. Daud bin Karim.



ketika ditemui berkata penemuan pokok Tampoi Belimbing itu pada suatu ketika dulu adalah berbentuk besar dan ganjil dan rasa isi buahnya adalah masam. Sementara jangka masa pokok berkenaan mengeluarkan buah adalah sekitar lima keenam tahun.

Dari segi perubatan pula, isi buah tersebut boleh menghilangkan

bekas-bekas luka.

Usaha seumpamanya perlu mendapat sokongan bukan sahaja ke arah mengekalkan suasana persekitaran yang hijau malah menjana penghasilan dari segi ekonomi dan yang paling penting sejarah bagi pengetahuan generasi akan datang agar ia tak lapuk ditelan zaman.

Negara pesat membangun, tiga dekad merdeka



Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 24 Februari. - Sejak 30 tahun Negara Brunei Darussalam mencapai kemerdekaan penuh, banyak kemajuan dan pembangunan yang telah dicapai dan dinikmati oleh rakyat dan penduduk negara ini.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai kemajuan yang telah dicapai sejak tiga dekad yang lalu itu, wakil PELITA BRUNEI sempat menemui bual secara eksklusif Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman bertempat di Kementerian Pembangunan.

Menurut Yang Berhormat, negara telah melabur dalam pendidikan dan setentunya kita ingin melihat Negara Brunei Darussalam terus berkembang dan membangun serta mencapai sasaran Wawasan 2035, sebagai sebuah negara yang maju dan dikenali di seluruh dunia yang mana rakyatnya hidup aman dan sejahtera.

Menyentuh mengenai perkembangan infrastruktur di negara ini, Yang Berhormat menyatakan bahawa selain daripada rangkaian jalan raya yang kini bertambah dengan adanya pembinaan jalan-jalan baru, pelebaran jalan-jalan dua hala kepada empat hala, menaik taraf jalan raya kepada yang lebih baik dan mudah dilalui, termasuk kerja-kerja menurap semula jalan-jalan raya yang ada, kementerian juga membina beberapa buah 'interchange' di beberapa

persimpangan yang sesak.

Katanya, pada masa ini beberapa 'interchange' sedang dalam pelaksanaan seperti di simpang Berakas; di Jalan Babu Raja; di Bukit Beruang, Daerah Tutong dan sedikit masa lagi di simpang Jalan Telanai dan di Sengkunong.

Di samping itu, Yang Berhormat juga menjelaskan mengenai pembinaan dua buah jambatan yang kini sudah bermula iaitu jambatan yang menghubungkan Jalan Residency ke Kampung Tarap Bau, menyeberangi Kampung Ayer yang dijangka akan dapat mengurangkan kesesakan di Jalan Tutong bagi mereka yang menuju ke Bandar Seri Begawan.

"Sebuah jambatan lagi ialah jambatan yang menghubungkan Jalan Kota Batu ka Daerah Temburong dan dengan siapnya nanti jambatan ini bukan sahaja bermakna perjalanan ke Temburong tidak lagi perlu menggunakan bot atau melalui Limbang, akan tetapi juga membawa potensi kemajuan yang besar kepada Daerah Temburong, seperti dengan penempatan institusi pendidikan tinggi, beberapa ofis kerajaan, 'ecotourism', perusahaan-perusahaan yang sesuai, pertanian dan sebagainya," ujar Yang Berhormat.

Selain daripada rangkaian jalan raya, tambah Yang Berhormat, antara projek Kementerian pembangunan yang semakin berkembang yang dapat dilihat ialah usaha ke arah mengurangkan berlakunya banjir di kawasan-kawasan tertentu.

"Alhamdulillah, dengan adanya projek menaik taraf longkang dan parit kepada 'concrete drains', melebar dan mendalami longkang, dan mengadakan kolam tadahan di mana selalu berlaku banjir, kita telah berjaya mengatasi kejadian banjir di kawasan

seperti Kampung Sungai Tilong/ Sungai Hanching, di Kampung Burong Pingai Berakas, beberapa kawasan di Jalan Subok, kawasan Ban dan beberapa tempat yang lain," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat juga berharap melalui beberapa projek yang dilaksanakan di Daerah Tutong, termasuk kawasan yang sering dilanda banjir terutama kawasan rendah, pihak kementeriannya mengadakan lebih banyak lagi kolam tadahan, mendalamkan beberapa sungai, memperbaiki perparitan dan saliran air, dan memasang *barrage* terutama di kawasan yang rendah, supaya masalah banjir akan dapat dikurangi secara berkesan.

Dalam masa yang sama, ujar Yang Berhormat, pihaknya akan berusaha untuk memastikan bahawa bekalan air akan sentiasa mencukupi, selain daripada membina beberapa empangan air (*water reservoir*) di kesemua daerah dan membina beberapa loji rawatan air, kementeriannya juga berusaha mengurangkan pembaziran air oleh pengguna, mengurangkan pembaziran disebabkan kebocoran paip-paip air dan juga aktiviti harian yang menggunakan air sewenangnyanya.

Menurut Yang Berhormat, pada masa ini, insya-Allah, air akan dapat terus dibekalkan ke rumah-rumah, yang mana lebih daripada 95 peratus penduduk telah dapat dibekalkan dengan air yang berkualiti tinggi melalui paip.

Bercakap mengenai pencapaian yang amat ketara bagi Kementerian Pembangunan, Yang Berhormat menyatakan, hampir dalam semua bidang kerja atau tugas kementeriannya dan jabatan-jabatan di bawahnya menampakkan kemajuan

sejak 30 tahun lalu, seperti Jabatan Tanah, Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Jabatan Ukur, Bahagian Kawalan dan jabatan-jabatan lain.

Menurut Yang Berhormat, jika dikaji pencapaian yang membawa impak langsung dan ketara kepada orang ramai ialah dalam perumahan, kerana dalam beberapa tahun kebelakangan ini pihak kerajaan melalui Kementerian Pembangunan dan Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei telah dapat menyiapkan beribu buah unit rumah pelbagai jenis, iaitu rumah sebuah, rumah kembar dan rumah teres.

"Dengan jumlah rumah yang begitu banyak dan siap hampir serentak, kita telah berjaya memendekkan tempoh menunggu dari 20 tahun lebih kepada di antara 15-20 tahun di Daerah Brunei dan Muara dan kepada 10-15 tahun di Daerah Belait, Tutong dan juga Temburong. Malah ada yang diagihkan rumah dalam tempoh kurang dari 10 tahun," tambah Yang Berhormat.

Semua ini jelas Yang Berhormat, dapat dilakukan dengan adanya peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, yang sentiasa mengutamakan kesejahteraan rakyat negara ini, terutama yang berpendapatan rendah.

Untuk kesinambungan skim perumahan negara ini, kata Yang Berhormat, kerajaan juga akan melihat beberapa pendekatan yang lain melibatkan pihak swasta.

Yang Berhormat menjelaskan, bagi projek perumahan yang akan datang di bawah skim yang ada sekarang, kita sedang mengkaji reka bentuk perumahan yang sesuai mengikut cita rasa pemohon, di samping mengkaji



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman semasa ditemu bual oleh wakil PELITA BRUNEI.

kemungkinan membina rumah di kawasan kampung yang mana pemohon atau penduduk di sana enggan berpindah ke tempat lain.

Menteri Pembangunan menekankan, ini adalah sebagai salah satu usaha kerajaan membantu rakyat di pedalaman untuk mendapat bantuan perumahan tanpa perlu berpindah ke kawasan perumahan negara yang sedia ada.

"Dengan adanya usaha yang bersepadu dari semua kementerian dan jabatan serta agensi kerajaan yang lain dengan melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing melalui visi dan misi mereka, disertai dengan azam warga kerja yang kuat untuk terus meningkatkan mutu perkhidmatan mereka, insya-Allah, kita akan berterusan dapat menikmati kemakmuran dan kemajuan dan mencapai Wawasan 2035," tegas Yang Berhormat.

Segenap lapisan masyarakat nikmati kemajuan



Berita dan Foto : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad



AHLI Jawatankuasa Majlis Perundingan Kampung Lupak Luas / Tarab Bau juga Pemangku Ketua Kampung Lupak Luas / Tarab Bau, Awang Haji Suhaili bin Haji Moktar.



KETUA Kampung Kawasan 1 Rancangan Perumahan Negara Kampung Rimba, Awang Adanan bin Taha @ Awang Mohamad.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 23 Februari. - Negara Brunei Darussalam menikmati hasil kemerdekaan penuh lagi berdaulat telah memasuki tiga dekad dengan pelbagai kemajuan oleh segenap lapisan masyarakat di negara ini.

Penghulu Mukim Lumapas, Awang Haji Bakar bin Mansor juga Mantan Yang Berhormat meluahkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, perkembangan dan pembangunan di Negara Brunei Darussalam yang semakin pesat jika dibandingkan dengan 30 tahun yang lalu yang perlu dibanggakan.

"Misalnya dari bangunan-bangunan struktur kerajaan yang sekarang ini banyak tersergam indah dan berubah wajah terutama sekali pada ketika ini rakyat di negara ini tidak sabar untuk melihat sebuah jambatan penghubung dari Jalan Residency ke Kampung Sungai Kebun," jelas beliau kepada PELITA BRUNEI pada Perhimpunan Agung Sambutan Ulang Tahun



KETUA Kampung Bunut Perpindahan, Awang Adanan bin Haji Md Salleh.

Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-30 yang berlangsung di Stadium Negara Hassanah Bolkiah.

Menurutnya, kita bersyukur di atas pentadbiran dan kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang sentiasa mendapat berkat dan dikurniakan rezeki yang luas.

Menyentuh mengenai tema Hari Kebangsaan - 'Generasi Berwawasan', menurutnya, ia bertepatan kerana belia-belie kita sudah mempunyai pemikiran yang jauh ke hadapan yang sedang merebut peluang tawaran perkerjaan oleh pihak kerajaan dan sektor swasta.

"Jika kita lihat pada zaman sekarang teknologi berjalan dengan pesat. Jadi secara umumnya, kita haruslah juga bergerak bersama seiring dengan perkembangan dan kepesatan teknologi bagi pembangunan negara yang berdaya saing," ujar Ketua



KETUA Kampung Kiulap, Awang Haji Mohammad bin Abu Bakar.

Kampung Kiulap, Awang Haji Mohammad bin Abu Bakar.

Beliau menjelaskan, memang tidak dinafikan Negara Brunei Darussalam mempunyai falsafah yang berkonsepkan Melayu Islam Beraja (MIB), yang sentiasa didokong.

Menurutnya, negara beruntung mempunyai konsep MIB kerana dengan sendirinya ianya melahirkan calak kebruneian dan ianya tidak terdapat di negara lain.

Sesuai dengan tema pada tahun ini iaitu 'Generasi Berwawasan', beliau menambah rakyat dan penduduk di negara ini amat bersyukur mempunyai sebuah negara yang berdaulat berkonsepkan MIB dan keislaman di bawah naungan raja yang berdaulat, pengasih dan pemedulian.

Ketua Kampung Bunut Perpindahan, Awang Haji Adanan bin Haji Md. Salleh pula menjelaskan, para belia yang menyertai acara-acara kenegaraan begitu semangat sekali dan menunjukkan sumbangan demi negara tercinta memang tiada hadnya dan tidak mengira umur.

"Mudahan Allah akan sentiasa merahmati Negara Brunei Darussalam yang aman dan makmur ini dan 30 tahun mencapai kemerdekaan adalah satu kecemerlangan yang dicapai oleh Negara Brunei Darussalam," tambahnya.

Menurut Ahli Jawatankuasa Majlis Perundingan Kampung Lupak Luas / Tarab Bau juga Pemangku Ketua Kampung

Lupak Luas / Tarap Bau, Awang Haji Suhaili bin Haji Moktar pula, belia masa ini haruslah peka pada situasi yang ada di mana cabaran-cabaran semakin melanda dan mereka harus berwaspada.

"Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan pemerintahannya yang adil dan saksama serta keprihatinan baginda yang sangat tulus telah menjadikan negara kitani sebagai sebuah negara Islam iaitu Negara Zikir yang terbilang hingga ke seluruh dunia," ujarnya.

Beliau menambah, penghulu selaku ketua akar umbi kepada ketua kampung dan penduduk kampung di bawah mukim masing-masing sangat menjunjung hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagaimana di dalam titah baginda yang menyarankan agar rakyat perlu mendukung usaha-usaha kerajaan terutama dalam menjadikan negara sebagai sebuah negara MIB dan Negara Zikir.

"Perlu ditanamkan pada diri belia dengan didikan agama agar mereka mengetahui dan dapat mempelajari hukum-hakam dengan baik tambahan lagi Perintah Kanun Hukum Jenayah Syar'iah akan dijalankan tidak lama lagi," jelasnya.

Menurutnya, dengan didikan agama yang cukup, mereka semestinya akan patuh pada



PENGHULU Mukim Lumapas, Awang Haji Bakar bin Mansor juga mantan Yang Berhormat.

undang-undang yang ditetapkan dan dengan ini 'Generasi Berwawasan' akan mencapai ke satu tahap yang lebih baik.

Ketua Kampung Kawasan 1 Rancangan Perumahan Negara Kampung Rimba, Awang Adanan bin Taha @ Awang Mohamad mengucapkan rasa syukur kerana sebagai rakyat Kebawah DYMM, kita merasa bertuah kerana dipimpin oleh seorang raja yang begitu kasih dan prihatin akan rakyatnya terutama sekali kepada golongan warga-warga emas yang diberi bantuan bulanan untuk menambah keperluan seharian mereka.

Menyentuh mengenai belia kita pada masa ini, belia berpendapat belia kitani memang cekap dan cergas serta berfikiran terbuka kerana sering terlibat dalam acara-acara yang berkaitan dengan hari-hari kebesaran Negara Brunei Darussalam tanpa diarahkan tetapi dengan rasa sukarela.

Golongan warga emas perlu tunjukkan contoh baik



Berita dan Foto :
Nur Hafizah Kamran,
Siti Akmar Khairunnisa Abdul Rahman

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 23 Februari. - Upacara Perhimpunan Agung Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam yang ke 30 telah berlangsung bertempat di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, di sini.

Sempena 30 tahun Negara Brunei Darussalam mencapai kemerdekaan dengan membawa tema 'Generasi Berwawasan', perhimpunan telah melibatkan lebih daripada 20 ribu peserta yang menyertai upacara perbarisan lalu dan persembahan padang yang mana terdiri daripada sejumlah besar golongan belia, anak-anak sekolah, Perkhidmatan Awam dan

swasta serta persatuan-persatuan.

Golongan warga emas juga tidak ketinggalan dalam sama-sama menjayakan Sambutan Hari Kebangsaan yang Ke-30 Tahun yang disambut dengan penuh meriah dan warna-warni.

Ketika ditemu bual oleh wakil PELITA BRUNEI, Awang Haji Mohd. Azim bin Haji Dullah daripada Kementerian Hal Ehwal Ugama yang turut menyertai perbarisan lalu perhimpunan agung berharap agar golongan warga emas akan dapat menunjukkan contoh baik dan nilai murni agar boleh menjadi ikutan kepada para generasi

yang akan datang amnya dan belia khasnya. Setiap perkara yang baik yang dilakukan itu diharap agar dapat memberikan manfaat kepada negara.

Menyentuh mengenai pelaksanaan Hukuman Jenayah Syar'iah yang akan dikuatkuasakan pada April nanti, beliau merasa bersyukur dan berpendapat sistem perundangan ini sememangnya relevan dan layak untuk dilaksanakan.

Manakala, bagi Dayang Puteh binti Haji Paya berharap belia perlu sentiasa berusaha untuk maju ke hadapan kerana mereka ini merupakan pemangkin kemajuan negara dan berharap negara akan bertambah maju di masa akan datang dan sentiasa dilindungi oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Beliau juga melahirkan perasaan syukur dan gembira terhadap bantuan yang diterima



AWANG Haji Mohd. Azim bin Haji Dullah dari Kementerian Hal Ehwal Ugama.

setelah kejadian banjir yang berlaku baru-baru ini.

Sementara itu, Ketua Kampung Lupak Luas dan Tarap Bau, Awang Haji Suhaili bin Haji Mokhtar berpendapat bahawa amat penting bagi para belia untuk mematuhi undang-undang yang telah diberikan dan sebolehnya janganlah menentang kerana ia adalah untuk kebaikan bersama.

Ketika ditanya mengenai titah Kebawah Duli Yang Maha



KETUA Kampung Lupak Luas dan Tarap Bau, Awang Haji Suhaili bin Haji Mokhtar.

Mulia sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-30 Tahun, beliau turut meluahkan kekesalan terhadap perangai sesetengah pihak yang telah menyalahgunakan kecanggihan teknologi yang ada pada masa kini dan perbuatan yang tidak baik hendaklah dihentikan.

Selain itu, para belia diharap supaya merebut dan menggunakan peluang yang ada dengan sebaik mungkin



DAYANG Puteh binti Haji Paya.

yang telah disediakan oleh pihak kerajaan.

Sehubungan dengan itu, diharap dengan pencapaian kemerdekaan selama 30 tahun akan dapat membentuk generasi yang mempunyai visi dan misi dalam kehidupan, berfikir dinamik dan mempunyai pandangan yang luas serta menjadikan contoh yang baik sebagai ikutan dan pedoman sesuai dengan tema sambutan pada tahun ini.

Syukuri segala nikmat



Oleh : Hajah Siti Zuraihah
Haji Awang Sulaiman
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 23 Februari. - Dalam usia kemerdekaan menjangkau 30 tahun, Negara Brunei Darussalam terus menjana pelbagai pembaharuan dalam meningkatkan lagi pembangunan negara dan bangsa.

Bagi rakyat dan penduduk negara ini, banyak perkara yang perlu kita syukuri dengan segala nikmat yang dilimpahi Allah kepada Negara Brunei Darussalam yang sama-sama kita cintai ini.

Negara Brunei Darussalam juga dikurniakan dengan seorang raja yang berjiwa rakyat, pemedulian dan kasih kepada rakyat baginda, yang mana seluruh rakyat dan penduduk negara ini cukup menyanjung tinggi corak pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan pelbagai kemudahan yang diberikan kepada negara ini.

Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-30 Tahun ini, rakyat dan penduduk negara ini melahirkan kesyukuran atas limpah rahmat yang dikurniakan Allah Subhanahu Wata'ala ke atas negara yang indah permai dan semua rakyat jelata berdoa agar Negara Brunei Darussalam terus membangun maju ke persada antarabangsa

dan terus dilimpahkan dengan rahmat dari Yang Maha Esa.

Pengetua Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal (MTSSR), Dayang Hajah Norzainab binti Haji Abdul Ladi sudah berkhidmat sebagai penjawat awam sejak tahun 1986 lagi dalam bidang perguruan menjelaskan rakyat dan penduduk perlu merasa bersyukur menetap di bumi Brunei yang aman dan mempunyai raja yang sangat prihatin akan rakyat baginda.

Beliau berpandangan, sebagai seorang tenaga pengajar dalam membentuk pelajar menjadi Generasi Berwawasan, para guru / tenaga pengajar hendaklah menerapkan mereka tentang nilai-nilai kebruneian sejak dari awal lagi.

Menyentuh mengenai perkembangan negara sejak 30 tahun yang lalu, mengambil contoh khususnya dari segi Institusi Teknikal dan Vokasional (VTI), Dayang Hajah Norzainab berkata, ketika ini negara sudah mempunyai lebih 90 program dalam VTI.

Apa yang membanggakan jelasnya ialah MTSSR mempunyai pelbagai rangkaian dan hubungan dengan industri di negara ini, yang mana dengan skim perantisan yang dilaksanakan, pelajar akan bekerja sambil belajar mengikut fasa yang ditentukan

(tiga bulan bekerja dengan industri dan tiga bulan kembali belajar).

Melalui skim tersebut jelasnya, penglibatan dengan industri adalah luas dan yang terbaru ialah bahagian teknikal memfokuskan dalam bidang minyak dan gas (Energy Industry Competency Framework - EICF) kerana negara lebih banyak tertumpu dalam sektor tenaga.

Beliau menambah, komitmen dan tanggungjawab perlu ada bagi seorang penjawat awam.

"Kita bukan saja bekerja untuk diri sendiri malah komitmen adalah untuk negara. Kita tahu tugas dan tanggungjawab kepada pelajar supaya mereka satu hari nanti menjadi apa yang kita harapkan," ujarnya.

Sementara itu, Awang Haji Abdul Khalid bin Haji Azahari yang bertugas sebagai Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat 1 di Kementerian Kesihatan menjelaskan sumbangan yang diberikan selama 30 tahun kemerdekaan negara dari segi kesihatan ialah seperti menjana visi Kementerian Kesihatan ke arah menuju warga sihat 2035.

Beliau yang sudah 22 tahun berkhidmat sebagai penjawat awam juga memberikan seruan kepada generasi anak bangsa agar sentiasa memberikan perkhidmatan yang terbaik tanpa mengira penat lelah demi sama-sama membangun negara yang dicintai ini.

Jururawat Pelatih Perbidanan, Dayang Nurazirah binti Haji Arsat, yang baru setahun berkhidmat di Kementerian Kesihatan.

Dalam mencapai tema Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-30 iaitu 'Generasi Berwawasan', beliau berhasrat untuk menjadi warga perkhidmatan yang efisien dan dapat menyumbangkan bakti kepada kerajaan dan negara.

Di samping itu beliau juga ingin meningkatkan mutu kerja dan menjadi seorang belia yang menjadi kebanggaan negara ini.

Warga asing kagum keunikan persembahan Perhimpunan Agung



Berita dan Foto :
Saerah Haji Abdul Ghani

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 23 Februari. - Semangat patriotisme dan nasionalisme di jiwa rakyat serta penduduk Negara Brunei Darussalam lahir dari perjuangan seseorang terhadap negara, agama dan bangsanya.

Patriotisme Negara Brunei Darussalam juga dibuktikan oleh ribuan rakyat serta penduduk yang mengambil bahagian pada Upacara Perhimpunan Agung Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Ke-30 Tahun ini.

Lakaran persembahan dan lagu-lagu patriotik pada hari yang penuh dengan kegemilangan itu memberi seribu makna bagi Negara Brunei Darussalam dan seluruh penduduknya dengan pencapaian kemerdekaan tanah air genap 30 tahun.

Suasana kemeriahan Upacara Perhimpunan Agung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, turut dikongsi bersama warga-warga asing yang menyaksikan upacara tersebut.

Melanie Vinett dari New Zealand menjelaskan, keunikan persembahan yang disaksikan sangat mengejutkan beliau kerana semangat

kemerdekaan yang tinggi telah ditunjukkan pada sambutan yang bermakna bagi Negara Brunei Darussalam.

Jelasnya, kesatupaduan dalam sambutan yang diadakan setiap menjelang 23 Februari ini menjadikan hubungan raja yang dikasihi dan para penduduk negara ini semakin kukuh dan terjalin.

Manakala M. Sonkeng Gaston yang berasal dari Cameroon pula menjelaskan, beliau merasa teruja dengan respons baik orang ramai termasuk rakyat serta penduduk negara ini dan para warga asing yang sanggup turut hadir menyaksikan upacara berkenaan.

Tambahnya, acara seumpama ini juga merupakan salah satu tarikan para pelancong untuk menyaksikan keunikan dalam sesebuah negara seperti Negara Brunei Darussalam dan sememangnya sudah pasti akan menambah ramai jumlah pengunjung ke negara ini yang tidak melepaskan peluang keemasan sebegini.

Sementara Joshua Cartwright dari England merasa sangat beruntung meraih pengalaman pertamanya hadir menyaksikan upacara sambutan yang sangat unik dan mampu memberi kesan yang sangat mendalam bagi seluruh rakyat dan penduduk negara ini.

Bagi Kerry de Graaff dari New Zealand pula menjelaskan, keterlibatan rakyat dan penduduk khususnya para belia dan pelajar sangat digalakkan di negara ini agar dapat menanamkan sifat semangat dan cintakan negara sedari awal.

Tambahnya, gabungan tenaga dari pelbagai pihak mahupun yang tua dan muda dalam menjayakan sambutan ini memang menunjukkan perpaduan rakyat dan penduduk yang sentiasa ingin menjadikan Negara Brunei Darussalam terus maju.

Ulang Tahun Hari Kebangsaan yang diadakan setiap tahun haruslah disambut dengan penuh kesedaran dan keinsafan kerana pencapaian negara kian meningkat serta maju dan kita seharusnya bersyukur Negara Brunei Darussalam sentiasa diberi keberkatan dari Allah Subhanahu Wata'ala.



JOSHUA Cartwright dari England.



KERRY de Graaff dari New Zealand.



M. SONKENG Gaston dari Cameroon.



MELANIE Vinett dari New Zealand.



AWANG Haji Abdul Khalid bin Haji Azahari.



DAYANG Nurazirah binti Haji Arsat.

Hackathon Brunei bantu usahawan mulakan perniagaan inovatif

Oleh : Abdullah Asgar, Md. Khairulanwar Idris
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

JERUDONG, Rabu, 19 Februari. - Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, selaku Pengerusi Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (LKEB), Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Ali bin Apong antara lain menggalakkan para peserta untuk melihat 'Hackathon' itu sebagai bukan acara sekali tetapi untuk melihat gambar yang lebih besar hasil daripada peristiwa.

Katanya, dengan memanfaatkan inisiatif LKEB seperti Skim Geran Permulaan Brunei yang boleh didapati untuk membantu usahawan memulakan perniagaan inovatif serta Aplikasi Enterprise tempatan dan produk skim geran.

Jelasnya, peserta boleh meneruskan penyelesaian 'Hackathon' mereka dan memperbaikinya ke dalam produk dan perkhidmatan yang sedia untuk dipasarkan.

Beliau berucap demikian dalam Majlis Hackathon Brunei 'Ready, Set, Hack' di Sekolah Antarabangsa Jerudong, di sini.

Acara 'Ready, Set, Hack' merupakan acara rasmi pertama Brunei Hackathon yang mana setakat ini 24 pasukan telah mendaftar.

Pasukan-pasukan terdiri daripada jurutera dari sektor swasta, pelajar dari universiti, institusi pengajian tinggi dan kolej tingkatan enam. Mereka akan

bersaing dengan penyelesaian yang inovatif dan kreatif bagi tiga cabaran yang diketengahkan oleh Hackathon Brunei khususnya dalam bidang air yang merupakan tema untuk pertandingan pada tahun ini.

Hackathon Brunei merupakan satu pertandingan 13 minggu yang dipecahkan kepada dua peringkat, peringkat pertama, peserta meletakkan idea mereka pada kertas yang dipanggil reka bentuk konsep dan yang kedua, para peserta membina dan mewujudkan idea mereka menjadi prototaip ketara.

Hackathon Brunei telah dicipta sebagai satu cara untuk mewujudkan keadaan yang paling sesuai untuk anak-anak muda kita dalam pembangunan melalui keusahawanan seperti mana dalam titah Kebawah

Duli Yang Maha Mulia semasa hari Komanwel Mac tahun lepas.

Pada acara itu, pasukan telah bersedia dalam kaedah-kaedah pertandingan taklimat mengenai bagaimana untuk melindungi idea-idea mereka oleh Brunei Intellectual Property Office (BrulPO) dan juga dapat bertemu dengan pakar dari industri air.

Antara penceramah ialah Penolong Ketua Pegawai Eksekutif Bahagian Infrastruktur di LKEB, Encik Julian Fung; Jurutera Kanan dari Syarikat Pakar Runding MWH, Encik Garry Anderson; Sumber Pakar Air dan Pengurus Serantau untuk DHI di Brunei, Dr. Chabungbam Rajagopal Singh.

Mereka masing-masing membentangkan isu-isu yang menyelubungi



TIMBALAN Menteri di Jabatan Perdana Menteri, selaku Pengerusi Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (LKEB), Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Ali bin Apong semasa menyampaikan ucapan pada Majlis Hackathon Brunei 'Ready, Set, Hack'.

cabaran, memberi nasihat kepada para peserta dan berkongsi pengalaman dan kepakaran mereka sendiri.

Peserta Program BCTA terima sijil

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Masri Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 19 Februari. - Program Belia Cinta Tanah Air (BCTA) Ke-9 Tahun 2014 Fasa Ke-2 diakhiri dengan majlis penyampaian sijil kepada 30 belia dari keempat-empat daerah berarak membawa bendera ke seluruh negara yang diadakan di Stadium Negara Hassanal Bolkiah (SNHB).

Hadir selaku tetamu kehormat, Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman.

Turut hadir ialah Setiausaha Tetap di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Hamid bin Haji Mohd. Jaafar.

Dengan adanya program seumpama ini, dapat memberi peluang kepada golongan belia di negara untuk sama-sama terlibat dalam upacara mengibarkan bendera negara ini, di samping memupuk semangat berpasukan dalam kalangan mereka.

Ia juga bertujuan untuk meningkatkan lagi semangat kekitaan dalam kalangan belia dan masyarakat serta meningkatkan nilai-nilai bermasyarakat, beragama, bernegara serta berpersatuan.



TIMBALAN Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman bergambar ramai bersama para peserta Program Belia Cinta Tanah Air Ke-9 Tahun 2014 Fasa Ke-2.

Pelajar perlu punyai nilai jati diri



Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman, Dk. Vivv Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Dk. Vivv Malessa Pg. Ibrahim, Azmah Haji Ahad

yang dinikmati.

Sementara itu, pelajar dari Tahun 6 Mercury, Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanul Bolkiah (YSHHB), Awang Wan Muhammad Hafiz bin Wan Habib berasa sungguh gembira dan berbangga dapat menyertai Majlis Pengibaran Bendera Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Brunei Ke-30 dan ia merupakan kali pertama beliau menyertai majlis seumpama itu.

Awang Wan Muhammad Hafiz juga berhasrat ingin menjadi generasi berwawasan dan meningkatkan tahap akademiknya serta mematuhi segala peraturan yang disediakan oleh kerajaan dan sekolah.

"Harapan saya ialah untuk bersedia meningkatkan diri dalam apa jua cabaran dan sentiasa menghormati Melayu Islam Beraja," ujarnya.

Dayang Adilah binti Brigedier Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Jofri dari Tahun 6 Earth turut melahirkan perasaan yang sama dan berasa sungguh bertuah dan gembira kerana dapat menyertai majlis ini sambil menyifatkan sebagai satu penghormatan bagi dirinya.

Menurutnya, makna Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam bagi dirinya ialah kemenangan bagi Negara Brunei Darussalam dan sebagai rakyat yang bernaung di bawah panji-panji Negara Brunei Darussalam, beliau juga sungguh berbangga menjadi rakyat dan penduduk negara ini.

Beliau melahirkan harapan semoga Negara Brunei Darussalam akan terus maju dari segi ekonomi, sukan, akademik dan dalam apa jua bidang.



DAYANG Aida Nur Farzanah binti Mohammad Noor Effendy, 10, Ahli Persatuan Pandu Puteri Negara Brunei Darussalam (tiga dari kiri).



DAYANG Nurul Razanah Batrisya binti Abdul Rafi, Tahun 7'B' dari Sekolah St. George (tengah).



PELAJAR dari Tahun 6 Mercury, Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanul Bolkiah, Awang Wan Muhammad Hafiz bin Wan Habib.




DAYANG Adilah binti Brigedier Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Jofri dari Tahun 6 Earth.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 23 Februari. - Penuntut-penuntut sekolah merupakan aset berharga negara kerana merupakan generasi penerus yang bakal mencorak Negara Brunei Darussalam di masa hadapan.

Ia sejajar dengan dengan tema Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-30 Tahun 'Generasi Berwawasan' yang mana mereka perlu mempunyai utap yang kental dari segi rohani, fizikal, mental dan spiritual dalam menghadapi apa jua bentuk cabaran mendatang dan sentiasa memahirkan diri dalam semua bidang demi kemajuan bangsa, agama dan negara.

Penuntut Tahun 5'A' dari Sekolah Rendah Haji Mohammad Ja'afar Maun, Kiulap, Dayang Aida Nur Farzanah binti Mohammad Noor Effendy, 10, Ahli Persatuan Pandu Puteri Negara Brunei Darussalam yang menyertai acara perbarisan menjelaskan, generasi masa kini haruslah mempunyai nilai jati diri yang sangat kental dan mempersiapkan diri dengan ilmu pengetahuan serta bersiap sedia bagi mengharungi cabaran pada masa hadapan.

Dayang Nurul Razanah Batrisya binti Abdul Rafi, Tahun 7'B' dari Sekolah St. George menjelaskan, negara ini sangat bertuah dalam tempoh 30 tahun mencapai kemerdekaan, penduduk di negara ini amat mensyukuri dengan keamanan dan kesejahteraan



Website : www.mufti.gov.bn
E-mail : mufti@brunet.bn - fatwa@brunet.bn

SAMBUNGAN MINGGU LEPAS

Bila hadiah boleh bertukar menjadi rasuah?

Adakalanya terdapat keadaan yang menyebabkan memberi hadiah menjadi haram dan dianggap sebagai rasuah. Perkara ini dapat dilihat seperti berikut:

- Hadiah bagi pemberi dan rasuah bagi penerima

Memberi hadiah kepada orang yang zalim dengan tujuan menyelamatkan dirinya dari kezaliman orang tersebut. Dalam hal ini, hadiah yang diberi kepada orang yang zalim itu adalah halal dan bukan dikira sebagai rasuah kerana dalam keadaan dharurat. Manakala bagi penerima pula haram dia mengambil hadiah yang diberikan kepadanya bagi menutup kezaliman yang dilakukannya. Hadiah yang diterimanya itu dikira sebagai rasuah kerana menerima pemberian dengan cara zalim dan bukan pada jalan yang hak.

- Hadiah adalah rasuah bagi pemberi dan penerima

Antara contoh dalam hal ini ialah hadiah yang diberikan kepada qadhi atau hakim untuk menghukum dengan batil atau untuk menyampaikan sesuatu yang dia tidak

Hadiah : Boleh menjadi rasuah

berhak. Oleh itu, pemberi dan penerima berdosa kerana hadiah tersebut merupakan rasuah walaupun pada zahirnya dilihat sebagai hadiah atau pemberian.

Rasuah tidaklah terhad hanya berlaku kepada qadhi dan hakim sahaja. Rasuah boleh berlaku kepada sesiapa sahaja yang memberi hadiah dengan tujuan yang terselit di sebalik pemberian itu supaya hajatnya dapat ditunaikan. Termasuklah pemberian hadiah untuk meluluskan sebarang permohonan, sama ada dalam sektor kerajaan ataupun swasta. Sebagai contoh memberi hadiah kepada seorang pegawai kerajaan yang khusus menguruskan proses pengambilan pekerja baru. Dengan pemberiannya itu dia berharap supaya peluangnya untuk mendapatkan pekerjaan itu cerah. Pemberian hadiah seumpama ini jelas berbentuk rasuah.

Dalam perkara ini, Ibnu Mas'ud *Radhiallahu 'anhuma* berkata bahawa orang yang memberi hadiah kepada seseorang yang dapat menunaikan hajatnya lalu diterimanya hadiah itu adalah *as-suht* (haram).

Memberikan hadiah dengan maksud atau tujuan agar hajat dipenuhi adalah ia seperti riba, kerana mengambil hadiah dengan cara begitu menghilangkan pahala pemberian, sebagaimana mengambil riba menghilangkan kehalalan. Nabi *Shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda dalam sebuah hadis yang diriwayatkan daripada Abu Umamah *Radhiallahu 'anhu*:

Maksudnya : “Sesiapa yang membantu saudaranya dengan satu bantuan. Kemudian dia diberi hadiah atas bantuannya itu lalu diterimanya, maka dia telah mendatangi satu pintu besar daripada pintu-pintu riba.”

(Hadis riwayat Abu Daud)

Ancaman laknat kepada pelaku rasuah

Larangan melakukan rasuah jelas disebutkan dalam al-Quran dan hadis. Bahkan Allah

Subhanahu Wa Ta'ala dan rasulNya melaknat orang yang melakukan rasuah kerana rasuah adalah termasuk dalam perkara memakan harta dengan jalan yang salah. Ini adalah berdasarkan dalil daripada al-Qur'an bahawa Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman:

Tafsirnya : “Dan janganlah kamu makan harta (orang lain) di antara kamu dengan jalan yang bathil dan janganlah kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim supaya kamu dapat mengambil sebahagian daripada harta orang dengan cara berbuat dosa, padahal kamu mengetahui (salahnya).”

(Surah al-Baqarah: 188)

Manakala dalam beberapa buah hadis, Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* telah melaknat atau mengutuk orang yang memberi dan menerima rasuah. Antaranya hadis yang diriwayatkan oleh 'Abdullah bin 'Amru *Radhiallahu 'anhu*, Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

Maksudnya : “Laknat Allah adalah ke atas pemberi rasuah dan penerima rasuah.”

(Hadis riwayat Ibnu Majah)

Dalam riwayat yang lain Abu Hurairah *Radhiallahu 'anhu* berkata:

Maksudnya : “Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* melaknat pemberi rasuah dan penerima rasuah dalam hukuman.”

(Hadis riwayat at-Tirmidzi)

Bukan setakat itu saja, bahkan laknat ini juga berlaku ke atas orang tengah atau pengantara perbuatan rasuah tersebut sama ada dia sebagai utusan daripada pihak penerima ataupun utusan daripada pihak pemberi sebagaimana disebutkan dalam hadis yang diriwayatkan daripada Tsauban *Radhiallahu 'anhu* katanya:

Maksudnya : “Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* melaknat pemberi rasuah, penerima dan pengantara yakni yang menjadi

penghubung antara keduanya.”

(Hadis riwayat Ahmad)

Namun begitu, jika pengantara rasuah itu sebagai utusan daripada pihak pemberi, mengikut pendapat sebahagian ulama ia tertakluk kepada tujuan pemberi rasuah. Jika tujuan pemberi itu baik, maka tidaklah pengantara itu dilaknat manakala jika tujuannya jahat, maka pengantara itu akan dilaknat juga.

Ketahuilah bahawa orang yang terlibat dengan perbuatan rasuah itu akan menerima azab yang pedih di akhirat kelak. Nabi *Shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda yang diriwayatkan oleh Ibnu 'Umar *Radhiallahu 'anhuma*:

Maksudnya : “Pemberi rasuah dan penerima rasuah akan masuk ke dalam neraka.”

(Hadis riwayat ath-Thabrani)

Maka jelaslah bahawa hadiah boleh menjadi rasuah apabila hadiah yang diberikan itu mengandungi sebarang hajat. Dari itu, berhati-hatilah apabila hendak memberi atau menerima sebarang hadiah. Jika hadiah itu terselit perkara yang berunsur rasuah hendaklah dihindarkannya ada sebagai pemberi atau penerima. Dengan demikian kita akan terselamatkan dari dilaknat Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* dan rasulNya kerana sesiapa yang dilaknat itu akan terjauh daripada rahmat Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* sehingga tidak ada sesiapa yang boleh menolongnya sebagaimana firman Allah *Ta'ala* dalam al-Qur'an:

Tafsirnya : “Dan sesiapa yang dilaknat oleh Allah maka engkau sekali-kali tidak akan mendapat penolong baginya.”

(Surah Al-Nisâ': 52)

WALLAHU'ALAM

MANUSIA dianugerahkan dengan kesempurnaan anggota tubuh badan oleh Allah *Subhanahu Wata'ala* sebagai satu nikmat. Sudah tentu anugerah ini mempunyai nilai tertentu dan semestinya ia dipelihara dengan sebaiknya. Contohnya ketika berkomunikasi, samaada melalui media massa, media cetak, internet, mahupun melalui ceramah secara terbuka. Antara anugerah yang besar ialah lidah, di mana manusia boleh bercakap dan berbicara sebagai alat komunikasi.

Kadang kala kita lupa akan batas-batas agama serta dosa dan pahala sehingga kita sanggup menjatuhkan dan mendedahkan keaiban seseorang termasuklah melakukan fitnah. Dan yang lebih dasyat lagi, ada yang sanggup



mencipta berita palsu, dokumen palsu dan disebarkan melalui internet dan media sosial hanya semata-mata untuk mencapai kemenangan. Sebagaimana yang disarankan dalam Firman Allah *Subhanahu Wata'ala* di dalam Surah al-Hujurat ayat 11 yang tafsirnya:

“Wahai orang-orang yang beriman!

“WAHAI orang-orang yang beriman!

Janganlah satu kaum mengejek-ejek satu kaum yang lain, boleh jadi kaum yang diejek itu lebih baik daripada mereka, dan janganlah pula (satu kaum) perempuan mengejek perempuan yang lain, boleh jadi perempuan yang diejek itu lebih baik daripada mereka. Dan janganlah kamu mencaci sesama kamu dan janganlah pula kamu panggil-memanggil dengan gelaran yang buruk. Seburuk-buruk panggilan adalah panggilan fasik sesudah seseorang itu beriman. Dan sesiapa yang tidak bertaubat maka mereka itulah orang-orang yang zalim.”

Bahaya lidah

Janganlah satu kaum mengejek-ejek satu kaum yang lain, boleh jadi kaum yang diejek itu lebih baik daripada mereka, dan janganlah pula (satu kaum) perempuan mengejek perempuan yang lain, boleh jadi perempuan yang diejek itu lebih baik daripada mereka. Dan janganlah kamu mencaci sesama kamu dan janganlah pula kamu panggil-memanggil dengan gelaran yang buruk. Seburuk-buruk panggilan adalah panggilan fasik sesudah seseorang itu beriman. Dan sesiapa yang tidak bertaubat maka mereka itulah orang-orang yang zalim.”

Beberapa prinsip yang perlu ada pada diri seorang Islam antaranya janganlah berkomunikasi dengan cara merendahkan dan mencaci maki orang lain, kerana Allah *Subhanahu Wata'ala* lebih mengetahui siapa yang lebih baik antara kita. Selain itu jangan mendedahkan keaiban seseorang atau menyebarkan keburukan seseorang atas alasan demi kebenaran, kerana perkara ini tidak dianjurkan oleh agama, malah Allah *Subhanahu Wata'ala* mencela golongan yang suka mendedahkan orang lain.

Begitu juga, janganlah menggelar seseorang dengan gelaran yang buruk terutamanya sesama umat Islam kerana ianya boleh mendatangkan dosa dan membawa kepada kefasikan. Jauhilah dari berprasangka buruk kerana ianya mendatangkan dosa, seandainya sesuatu berita itu sampai kepada kita, maka hendaklah ianya disemak terlebih dahulu tentang kesahihannya.

Janganlah kita menjadi agen penyebar fitnah dan berita palsu kepada masyarakat.

Selain itu, janganlah kita mengintip dan mencari kesalahan orang lain. Ingatlah bahawa Islam menyuruh mencegah kemungkaran seiring dengan suruhan melakukan kebaikan. Dan hendaklah menjaga lidah dan tutur bicara kita agar tidak mendatangkan kemarahan orang lain.

Ingatlah bahawa dalam banyak-banyak anggota, lidahlah yang paling banyak kesalahan yang melibatkan sesama manusia. Untuk hidup dalam suasana yang tenteram, aman dan damai, hendaklah diawasi lidah kerana melalui lidah tutur kata akan menjadi lebih benar, beradab dan bahasanya lebih sopan. Sikap tidak menjaga lidah bukan sahaja menimbulkan kemarahan orang yang mendengarnya, malah menimbulkan implikasi buruk kepada hubungan sesama manusia. Gunakanlah lidah kita untuk berkata sesuatu yang baik dan benar serta tidak sia-sia atau lebih baik lagi kita berdiam sahaja kerana itu lebih memberi manfaat daripada kita berkata perkara yang boleh mendatangkan dosa.

Ingatlah segala amalan kita akan diperhitungkan dan semuanya terserah kepada neraca keadilan yang telah ditentukan oleh Allah *Subhanahu Wata'ala*. Serta setiap pergerakan dan ucapan kita sentiasa diawasi oleh dua malaikat iaitu Raqib dan Atid. Elakkan daripada terjerumus ke dalam dosa termasuk melemparkan tuduhan, menyebarkan fitnah, prasangka buruk serta bercakap bohong.

MENURUT Dasar Belia Negara di Negara Brunei Darussalam, belia adalah warganegara berusia di antara 15 hingga 40 tahun. Belia adalah golongan yang berada di dalam lingkungan umur lima belas tahun hingga empat puluh tahun. Di negara kita, belia merupakan empat puluh peratus daripada jumlah penduduk negara ini. Memandangkan belia merupakan generasi yang mencapai hampir separuh dari penduduk di negara ini, maka mereka ini tidak boleh dipandang remeh dan harus diberikan perhatian oleh semua pihak, terutama sekali dalam usaha pembangunan dan pengurusan belia.

Golongan ini patut di didik dan dibimbing menjadi generasi belia yang mempunyai wawasan dan cintakan negara. Selain itu belia juga perlu diasuh ke jalan yang benar dan diredai Allah Subhanahu Wata'ala serta mampu menjadi generasi yang boleh diharapkan iaitu belia yang beriman, berilmu, beramal dan berakhlak mulia. Nilai-nilai Islam, mempunyai jatidiri dan murni mesti diterapkan dalam diri belia kerana pada masa sekarang minda mereka amat terdedah kepada pengaruh baru. Pengaruh baru tidak semuanya selari dengan apa yang diperlukan dalam hidup. Mempunyai jati diri tidak beerti mereka ketinggalan arus kemodenan, ia hanyalah mengikat kita dengan nilai yang sememang sesuai dengan citarasa budaya masyarakat kita.

Bimbingan ke jalan benar setentunya akan mencorakkan belia agar bertanggungjawab kepada agama, bangsa dan negara dan seterusnya menyediakan belia yang dikagumi Allah Subhanahu Wata'ala, sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam sebuah hadith, maksudnya : "Dari Uqbah bin 'Amir katanya: Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Sesungguhnya Allah Azzawajala sangat kagum kepada pemuda yang tidak ada padanya kelakuan pelik dan menyeleweng."



PENERAPAN nilai-nilai Islam dan jati diri yang murni penting bagi melahirkan belia yang beriman, berilmu, beramal dan berakhlak mulia.



PENGLIBATAN belia dalam persembahan padang sempena Hari Kebangsaan Ke-30 sememangnya dapat meningkatkan semangat kenegaraan serta meningkatkan kecergasan jasmani.

Belia berwawasan pertahankan kemakmuran negara

Oleh : Norliah binti Md. Zain

— Riwayat Al-Imam Ahmad.

Para belia inilah yang diharapkan untuk mencapai wawasan negara. Wawasan negara kita antaranya ialah ke arah pembentukan sebuah negara zikir, hasrat mencapai wawasan 2035, hasrat di dalam membangunkan sumber tenaga manusia (belia) di dalam bidang keusahawanan dan hasrat ke arah penghayatan konsep Melayu Islam Beraja.

Oleh itu adalah menjadi tugas semua pihak dan agensi yang terlibat untuk sama-sama membina dan menyediakan perantaraan yang kukuh dan patuh bagi memberikan kesedaran dan kefahaman kepada semua masyarakat amnya dan kepada para belia khususnya mengenai hasrat-hasrat yang ingin dicapai. Belia yang mempunyai wawasan setentunya menjadi belia yang hebat dan seterusnya menjamin kemakmuran dan kemajuan negara di masa hadapan.

Kemakmuran 30 tahun merdeka yang telah kita capai ini patut dipelihara bersama. Adalah menjadi tanggungjawab kita selaku warganegara untuk meneruskan kemakmuran yang menjadi hak kita. Antara cara kemakmuran itu dapat dicapai ialah dengan menanamkan

sifat patuh dan taat terhadap program-program yang diatur yang memberi manfaat untuk membangunkan negara dalam semua bidang.

Maka sebab itulah belia itu harus dilengkapi dengan rasa tanggungjawab terhadap individu, keluarga masyarakat dan negara, kewibawaan dalam memimpin, kreatif, kesedaran dan semangat cintakan tanahair, berfikiran jauh ke hadapan dan yang penting menjaga pegangan agama Islam. Semua ini penting agar kita dapat membina negara untuk maju mengikut calak kita sendiri dengan tidak menolak faktor-faktor luaran yang bermanfaat.

Golongan ini juga patut diberi kesedaran agar bersyukur kerana telah dikurniakan dengan negara yang makmur. Antara satu usaha yang dibuat kerajaan untuk menjamin kemakmuran di negara ini ialah dengan melaksanakan Perintah Kanun Jenayah Syariah 2013.

Berita mengenai pelaksanaan Perintah Kanun Jenayah Syariah ini sememangnya mendapat liputan meluas pada media-media sosial antarabangsa. Pelbagai reaksi yang dapat kita baca mengenai perkara ini. Memandangkan para belia adalah golongan yang mudah mendapat pendedahan melalui media sosial ini, maka mereka sepatutnya memahami dengan lebih mendalam dan seterusnya berbangga terhadap penguatkuasaan perintah ini. Janganlah hendaknya mereka terpengaruh dengan komen-komen negatif orang-orang yang tidak memahami kemurniaan perintah ini.

Kita bersyukur kerana agensi kerajaan yang terlibat di negara ini sedang berusaha bagi membarigakan tentang pelaksanaan Perintah Kanun Jenayah Syariah 2013 kepada agensi-agensi kerajaan dan tidak terkecuali para belia turut terlibat mendengar ceramah pembargaan itu agar mereka dapat memahami tentang hikmah sebenar perintah itu.



BIDANG keusahawanan antara yang diberi tumpuan oleh negara.

Selain itu keharmonian hidup bermasyarakat juga patut dipraktikkan dalam warga belia. Antara program yang telah dijalankan di negara ini ialah Program Khidmat Bakti Negara, Program Belia Cinta Tanahair dan beberapa pertubuhan-pertubuhan lain. Program-program ini antaranya bertujuan untuk meningkatkan semangat kenegaraan dalam kalangan belia, hidup bermasyarakat, beragama, bernegara serta meningkatkan kecergasan jasmani dan kemantapan rohani.

Aktiviti kebeliaan seperti pertubuhan-pertubuhan wajar diberi liputan meluas melalui media cetak atau elektronik untuk mendedahkan aktiviti mereka kepada umum demi menarik perhatian golongan remaja dan belia. Peranan media cetak dan elektronik melalui penulisan yang menampilkan laporan yang lebih bersifat membina, memberi inspirasi, bersifat intelektual dan membina minda harus disaji kepada minda golongan belia dan remaja dengan harapan agar ia dapat membina golongan belia yang berwawasan dan berpandangan jauh.

Pada masa kini negara sedang memberikan tumpuan kepada enam bidang utama iaitu Pembangunan dan Perkembangan Peribadi, Latihan dan Pekerjaan, Kepimpinan, Keusahawanan, Pemahaman Kesedaran Antarabangsa dan Perkhidmatan kepada Orang Ramai dan Negara.

Bersempena dengan Hari Kebangsaan yang Ke-30 ini maka peranan belia amat diperlukan dalam sama-sama membarigakan apatah lagi sama-sama memeriahkan suasana Hari Kebangsaan. Bermula dari upacara pengibaran bendera sehinggalah sambutan kemuncak Hari Kebangsaan itu.

Ketua Unit Program Keusahawanan Belia dan Perhubungan Antarabangsa di Pusat Belia, Pengiran Kamal Ghadafi bin Pengiran Haji Suhaimi berpendapat para belia boleh mempamerkan rasa patriotik dan penghargaan kemerdekaan negara dalam apa jua bentuk antaranya menghadiri upacara hari kebangsaan atau dengan menyertai upacara perbarisan. Selain

itu para belia juga boleh menghebahkannya melalui media-media sosial memandangkan belia pada masa ini mempunyai ramai rakan-rakan media sosial terutama luar negara. Di samping itu para belia juga mestilah mempelajari tentang sejarah dan kebudayaan dalam memahami identiti bangsa dan negara.

"Jika kita mempelajari dan memahami perkara ini, maka kita tiada masalah jika ada pengunjung luar negara bertanya mengenai Brunei," jelas Pengiran Kamal Ghadafi.

Selain itu menurutnya, bersempena dengan Hari Kebangsaan ini juga, bendera-bendera peribadi turut berkibar di rumah orang-orang tertentu. Maka para belia juga patut mempelajari tentang jenis-jenis bendera peribadi ini kerana ia merupakan adat di negara ini.

GENERASI BERWAWASAN

Senyum riang dan gelak tawa anak-anak muda sekarang menggambarkan keharmonian dan kemakmuran yang dicapai oleh negara ini. Walaubagaimanapun, kita mesti memupuk mereka menjadi masyarakat yang tahu hala tuju, komited dengan matlamat serta mampu menghadapi apa jua rintangan demi memelihara keharmonian dan kemakmuran tersebut. Oleh itu negara kita perlukan Generasi Berwawasan, bertepatan dengan tema Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-30.

Semakin lama, masyarakat kita semakin menyedari betapa pentingnya keharmonian dan keamanan sesuatu bangsa itu. Sikap tidak camah mata, saling membantu yang dipupuk melalui beberapa aktiviti-aktiviti amal anjuran persatuan-persatuan belia menunjukkan sifat pemedulian belia-belia kita.

Selain itu para belia juga hendaklah mempunyai semangat patriotik yang tinggi kepada negara, mengurangkan keterlibatan dalam gejala sosial yang serius dan apa jua perkara yang boleh menggugat kestabilan serta keamanan dalam negara.

Kejayaan negara dikagumi



Berita dan Foto :
Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 23 Februari.- Kejayaan yang telah dicapai oleh Negara Brunei Darussalam begitu dikagumi oleh masyarakat antarabangsa.

Dengan adanya generasi muda ini akan dapat melengkapkan diri masing-masing dengan ilmu pengetahuan yang tinggi lagi berguna, iman yang teguh dan jati diri yang mulia berlandaskan konsep Melayu Islam Beraja yang unggul demi meneruskan pembangunan negara yang direndhai oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Haji Mohd Roselan bin Haji Mohd Daud menyatakan perkara tersebut semasa ditemu bual oleh PELITA BRUNEI pada Sambutan Hari Kebangsaan Kali Ke 30 Tahun di Stadium Negara Hassanalk Bolkiah, di sini.

Kejayaan cemerlang generasi muda itu jelasnya dapat disaksikan di seluruh negara dan dinikmati oleh semua lapisan masyarakat serta merangkumi aspek fizikal dan kerohanian.

Manakala Setiausaha Tetap di Kementerian Pertahanan, Kolonel (B) Pengiran Dato Paduka Haji Azmansham bin Pengiran Haji Mohammad berkata, Negara Brunei Darussalam telah mencapai perkembangan yang amat ketara terutama daripada pemimpin-pemimpin, pegawai-pegawai dan rakyat sama ada dari pihak kerajaan atau swasta yang berkualiti dan pendidikan tinggi dengan profesionalisme mereka dalam meneraju negara agar maju ke hadapan sebanding dengan standard antarabangsa.

"Kita memang masih berusaha keras untuk mencapai ke arah itu, yang mana kita telah pun berada di standard tersebut dan kita juga menerima penghormatan-penghormatan dari negara lain yang begitu kagum dengan pencapaian negara di bawah kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam," ujarnya.

"Negara Brunei Darussalam mampu mencapai keamanan dan kemakmuran sejak dahulu lagi jika dibandingkan dengan negara-negara serantau atau antarabangsa yang lain, ini adalah pencapaian yang tinggi yang kita telah capai. Kita telah mendapat pujian daripada pihak antarabangsa seperti tahun lepas apabila kita mampu mempengerusikan ASEAN Summit," jelasnya lagi.

Kolonel (B) Pengiran Dato Paduka Haji Azmansham seterusnya mendoakan agar Negara Brunei Darussalam akan terus mengecapi keamanan dan kemakmuran serta sentiasa mendapat rahmat dari Allah Subhanahu Wata'ala.

"Di samping itu, saya juga berharap agar kita akan dapat mencapai Wawasan 2035, yang mana saya perhatikan Kementerian-kementerian telah pun berusaha demi mencapai wawasan tersebut dan diharap pemimpin generasi akan datang agar sama-sama mendukung usaha ini supaya Wawasan 2035 itu akan tercapai," jelasnya lagi.

Sementara itu, Setiausaha Tetap di Kementerian Kesihatan, Datin Dr. Hjh Norlila binti Haji Mohd Jalil berharap agar golongan muda untuk turut berwawasan dengan memahami erti wawasan negara itu, di samping memikirkan peranan sebagai generasi muda untuk mencapai Wawasan 2035.

Timbalan Setiausaha Tetap di Kementerian Perhubungan, Awang Haji Idris bin Haji Mohd. Ali pula menjelaskan mengenai penggunaan teknologi yang memberikan kemudahan untuk berhubung dan berkomunikasi.

Menurutnya, sebagai rakyat seharusnya bertanggungjawab ke atas segala maklumat yang disebarkan dengan memastikan maklumat itu adalah betul dan tepat.

Sebagai rakyat Negara Brunei Darussalam tambahnya, haruslah mempunyai sikap bertanggungjawab, sama-sama memastikan maklumat itu betul dan jika sekiranya berasa keraguan, hendaklah ianya merujuk kepada pihak yang berkuasa yang telah dimandatkan oleh kerajaan.

Manakala Setiausaha Tetap di Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof ketika di temu bual mengenai Pelaksanaan Kanun Hukuman Jenayah Syar'iah yang akan dilaksanakan pada bulan April nanti menjelaskan, Negara Brunei Darussalam telah mengambil keputusan yang tepat untuk melaksanakan undang-undang Allah Subhanahu Wata'ala memandangkan negara ini merupakan sebuah negara Islam.

"Apa pun kedudukan dan darjat kita sama ada belia dan orang dewasa, kita sepatutnya menyokong dan melaksanakan apa jua perintah Allah Subhanahu Wata'ala itu iaitu untuk menjalankan Kanun Hukuman Jenayah Syar'iah seperti yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam merealisasikan hasrat baginda demi kebaikan dan kebajikan negara ini," jelasnya lagi.

Di samping itu, Yang Di-Pertua Persatuan Anggota Polis Yang Bersara (POLSARA), Pg. Dato Paduka Haji Salim bin Pengiran Wahid berkata, dalam jangka usia 30 tahun Negara Brunei Darussalam merdeka sejak Januari 1984, perkembangan dapat dilihat terutama sekali dalam pembangunan, jalan raya, sekolah-sekolah tinggi dan sekolah menengah di seluruh negara.

Katanya, majoriti belia-belie negara pada hari ini adalah lebih banyak berbanding dengan yang lalu, di samping belia-belie pada masa kini sungguh membanggakan dan negara ini akan mencapai lebih kejayaan di bawah kepimpinan Kebawah DYMM.

"Saya bersyukur kerana Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan memberi peluang untuk menyertai perhimpunan pada hari ini. Dan saya berharap agar belia-belie kita akan menjadi seorang yang tahu menghargai negara, menghormati dan patuh akan undang-undang negara, di samping sentiasa menyokong dan menyahut titah Kebawah DYMM kerana belia hari ini merupakan warisan kita pada masa akan datang, dan merekalah yang akan meneruskan khidmat bakti kepada Negara Brunei Darussalam," jelasnya lagi.



SETIAUSAHA Tetap di Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Awang Haji Mohd Roselan bin Haji Mohd Daud.



SETIAUSAHA Tetap di Kementerian Pertahanan, Kolonel (B) Pengiran Dato Paduka Haji Azmansham bin Pengiran Haji Mohammad.



SETIAUSAHA Tetap di Kementerian Kesihatan, Datin Dr. Hjh Norlila binti Haji Mohd Jalil.



SETIAUSAHA Tetap di Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof.



TIMBALAN Setiausaha Tetap di Kementerian Perhubungan, Awang Haji Idris bin Haji Mohd. Ali



YANG Di-Pertua Persatuan Anggota Polis Yang Bersara (POLSARA), Pengiran Dato Paduka Haji Salim bin Pengiran Wahid.

Bersama menyumbang bakti kepada negara



Berita dan Foto :
Hezlinawati Haji Abdul Karim

TEMBURONG, Ahad, 23 Februari. - Rakyat dan penduduk di daerah ini menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kerana melalui kebijaksanaan kepimpinan baginda Daerah Temburong telah dapat menikmati segala kemudahan, kesejahteraan dan keharmonian.

Atas sikap pemedulian Kerajaan baginda itulah rakyat dan penduduk di Daerah Temburong menikmati segala kemudahan dan kemajuan yang telah dicapai oleh Daerah Temburong sejak 30 tahun negara mencapai kemerdekaan penuh.

Beliau menjelaskan, rakyat dan penduduk haruslah menanai segala kemudahan, kemajuan dan kesejahteraan yang diberikan oleh pihak kerajaan dengan sebaik mungkin, di samping bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala di atas nikmat yang diberikan.

Menurutnya, segala kemudahan dan kemajuan yang diberikan itu janganlah hanya dilihat seperti angin lalu malah sebaliknya rakyat dan penduduk perlu melihat perkara itu sebagai satu amanah, yang mana setiap orang atau setiap warga berperanan untuk menyumbang dalam bidang masing-masing.

"Kalau seseorang itu kakitangan kerajaan maka ia menyumbang kepada platform yang tertentu sepertimana orang kampung boleh mendapat kemudahan melalui Majlis-majlis Perundingan Mukim dan Kampung, jawatankuasa - jawatankuasa tertentu, pertubuhan pertubuhan bukan kerajaan

Tempurong menikmati segala kemudahan, kesejahteraan dan keharmonian seperti juga di daerah-daerah lain.

Salah seorang penduduk di daerah ini, Awang Haji Matusin bin Orang Kaya Sura Haji Tuba menyatakan, perkara itu ketika diminta mengulas tentang kemajuan yang telah dicapai oleh Daerah Temburong sejak 30 tahun negara mencapai kemerdekaan penuh.

Beliau menjelaskan, rakyat dan penduduk haruslah menanai segala kemudahan, kemajuan dan kesejahteraan yang diberikan oleh pihak kerajaan dengan sebaik mungkin, di samping bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala di atas nikmat yang diberikan.

Menurutnya, segala kemudahan dan kemajuan yang diberikan itu janganlah hanya dilihat seperti angin lalu malah sebaliknya rakyat dan penduduk perlu melihat perkara itu sebagai satu amanah, yang mana setiap orang atau setiap warga berperanan untuk menyumbang dalam bidang masing-masing.

"Kalau seseorang itu kakitangan kerajaan maka ia menyumbang kepada platform yang tertentu sepertimana orang kampung boleh mendapat kemudahan melalui Majlis-majlis Perundingan Mukim dan Kampung, jawatankuasa - jawatankuasa tertentu, pertubuhan pertubuhan bukan kerajaan

dan sebagainya," jelas beliau yang pernah berkhidmat sebagai Pegawai Daerah Temburong pada tahun 2008 hingga April 2010 sebelum ditukar menjadi Pegawai Daerah Belait.

Apa yang sangat menjadi ingatan dalam jiwa beliau ialah titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa perhimpunan Majlis Perundingan Mukim dan Kampung Negara Brunei Darussalam pada 26 Mei 1996 yang menekankan bahawa masyarakat yang matang bukanlah masyarakat yang hanya bertanya apakah bakti negara kepada mereka tetapi juga haruslah bertanya apakah sumbangan mereka kepada

negara.

Jika pemikiran sedemikian ada pada setiap penduduk di negara ini jelasnya, maka apa jua yang disumbangkan oleh negara kepada rakyat haruslah dibalas dengan sumbangan rakyat kepada negara.

Beliau mengajak rakyat dan penduduk di Daerah Temburong khususnya dan Negara Brunei Darussalam umumnya supaya sama-sama menyumbang bakti kepada bangsa dan negara.

"Sama-samalah kitani berkayuh menuju destinasi yang kitani harapkan. Pihak kerajaan telah menyediakan perahu tempat kitani berdayung dan pengayuh untuk kitani mendayung. Maka marilah sama-sama kitani mendayung menuju dan mencapai matlamat Wawasan

negara.

Jika pemikiran sedemikian ada pada setiap penduduk di negara ini jelasnya, maka apa jua yang disumbangkan oleh negara kepada rakyat haruslah dibalas dengan sumbangan rakyat kepada negara.

Beliau mengajak rakyat dan penduduk di Daerah Temburong khususnya dan Negara Brunei Darussalam umumnya supaya sama-sama menyumbang bakti kepada bangsa dan negara.

"Sama-samalah kitani berkayuh menuju destinasi yang kitani harapkan. Pihak kerajaan telah menyediakan perahu tempat kitani berdayung dan pengayuh untuk kitani mendayung. Maka marilah sama-sama kitani mendayung menuju dan mencapai matlamat Wawasan



AWANG Haji Matusin bin Orang Kaya Sura Haji Tuba.

Negara 2035 khasnya untuk kesejahteraan penduduk Negara Brunei Darussalam ini," ujarnya.

Kemerdekaan menjana pelbagai pembaharuan



Berita dan Foto :
Norrasidah binti Jumat

BERAKAS, Ahad, 23 Februari.

Menjagkaunya usia kemerdekaan bagi Negara Brunei Darussalam yang ke-30 tahun ini, pelbagai kelainan telah diusahakan oleh pihak-pihak tertentu. Dalam usia ini negara telah menjana pelbagai pembaharuan demi untuk meningkatkan pembangunan negara dan bangsa yang berkualiti kepada negara.

Bagi rakyat dan penduduk negara ini, banyak perkara yang harus ditingkatkan untuk mencapai misi dan visi negara selain untuk mengecap kejayaan negara dalam Wawasan Negara 2035.

Wakil PELITA BRUNEI telah menemu bual beberapa orang warga Brunei yang berniaga bersempena Sambutan Hari Ulang Tahun Negara Brunei Ke-30 Tahun yang berlangsung di Stadium Negara Hassanalk Bolkiah, Berakas, di sini.

Dayang Halinah binti Abdullah Mering yang sedang berkhidmat di Jabatan Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia di bawah Kementerian Kewangan selama 19 tahun sebagai pembersih menjelaskan bahawa sebagai

harus ditingkatkan untuk mencapai misi dan visi negara selain untuk mengecap kejayaan negara dalam Wawasan Negara 2035.

Wakil PELITA BRUNEI telah menemu bual beberapa orang warga Brunei yang berniaga bersempena Sambutan Hari Ulang Tahun Negara Brunei Ke-30 Tahun yang berlangsung di Stadium Negara Hassanalk Bolkiah, Berakas, di sini.

Dayang Halinah binti Abdullah Mering yang sedang berkhidmat di Jabatan Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia di bawah Kementerian Kewangan selama 19 tahun sebagai pembersih menjelaskan bahawa sebagai

harus ditingkatkan untuk mencapai misi dan visi negara selain untuk mengecap kejayaan negara dalam Wawasan Negara 2035.

Wakil PELITA BRUNEI telah menemu bual beberapa orang warga Brunei yang berniaga bersempena Sambutan Hari Ulang Tahun Negara Brunei Ke-30 Tahun yang berlangsung di Stadium Negara Hassanalk Bolkiah, Berakas, di sini.

Dayang Halinah binti Abdullah Mering yang sedang berkhidmat di Jabatan Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia di bawah Kementerian Kewangan selama 19 tahun sebagai pembersih menjelaskan bahawa sebagai

harus ditingkatkan untuk mencapai misi dan visi negara selain untuk mengecap kejayaan negara dalam Wawasan Negara 2035.

Wakil PELITA BRUNEI telah menemu bual beberapa orang warga Brunei yang berniaga bersempena Sambutan Hari Ulang Tahun Negara Brunei Ke-30 Tahun yang berlangsung di Stadium Negara Hassanalk Bolkiah, Berakas, di sini.

Dayang Halinah binti Abdullah Mering yang sedang berkhidmat di Jabatan Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia di bawah Kementerian Kewangan selama 19 tahun sebagai pembersih menjelaskan bahawa sebagai

harus ditingkatkan untuk mencapai misi dan visi negara selain untuk mengecap kejayaan negara dalam Wawasan Negara 2035.

Wakil PELITA BRUNEI telah menemu bual beberapa orang warga Brunei yang berniaga bersempena Sambutan Hari Ulang Tahun Negara Brunei Ke-30 Tahun yang berlangsung di Stadium Negara Hassanalk Bolkiah, Berakas, di sini.

Dayang Halinah binti Abdullah Mering yang sedang berkhidmat di Jabatan Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia di bawah Kementerian Kewangan selama 19 tahun sebagai pembersih menjelaskan bahawa sebagai

harus ditingkatkan untuk mencapai misi dan visi negara selain untuk mengecap kejayaan negara dalam Wawasan Negara 2035.

Wakil PELITA BRUNEI telah menemu bual beberapa orang warga Brunei yang berniaga bersempena Sambutan Hari Ulang Tahun Negara Brunei Ke-30 Tahun yang berlangsung di Stadium Negara Hassanalk Bolkiah, Berakas, di sini.

Dayang Halinah binti Abdullah Mering yang sedang berkhidmat di Jabatan Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia di bawah Kementerian Kewangan selama 19 tahun sebagai pembersih menjelaskan bahawa sebagai

harus ditingkatkan untuk mencapai misi dan visi negara selain untuk mengecap kejayaan negara dalam Wawasan Negara 2035.

Wakil PELITA BRUNEI telah menemu bual beberapa orang warga Brunei yang berniaga bersempena Sambutan Hari Ulang Tahun Negara Brunei Ke-30 Tahun yang berlangsung di Stadium Negara Hassanalk Bolkiah, Berakas, di sini.

Dayang Halinah binti Abdullah Mering yang sedang berkhidmat di Jabatan Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia di bawah Kementerian Kewangan selama 19 tahun sebagai pembersih menjelaskan bahawa sebagai

harus ditingkatkan untuk mencapai misi dan visi negara selain untuk mengecap kejayaan negara dalam Wawasan Negara 2035.

Hari Isnin - Khamis

8.30 - 11.45 pagi

1.30 - 3.00 petang

Hari Sabtu

8.00 - 10.00 pagi

4. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah.

5. Penender hendaklah membaca, memahami dan meneliti ke semua kandungan di dalam Borang Dokumen Tawaran dan Spesifikasi Teknikal serta mengisi semua ruang-ruang yang diperlukan dengan **LENGKAP dan TERATUR ;**

6. Penender mestilah menyertakan salinan **SIJIL PENDAFTARAN PERNIAGAAN** seperti 'Business License' bagi Syarikat Berhad dan Sendirian Berhad, Lesen-lesen yang berkaitan seperti yang dipersyaratkan dalam tawaran ini, Sijil Pendaftaran Syarikat di Jabatan Perhutanan, Sijil-Sijil Pendaftaran, dari Kementerian Pembangunan resit pembayaran dokumen, senarai pemilik, kad pengenalan pemilik Syarikat bagi Rakyat Brunei dan / atau pasport bagi warga negara asing, pengetahuan / pengalaman syarikat dan lain-lain keterangan yang berkaitan.

**TAWARAN : JPH/RKN
1002-011/TAW319/2014**

**TAJUK : PENANAMAN MENGAYA
DALAM KOMPARTMEN 84 & 90,
HUTAN SIMPAN BUKIT LADAN,
DAERAH TUTONG**

**TAWARAN : JPH/RKN
1002-011/TAW320/2014
TAJUK : PENANAMAN MENGAYA
DALAM KOMPARTMEN 91 & 92,
HUTAN SIMPAN BUKIT LADAN,**

DAERAH TUTONG

**TAWARAN : JPH/RKN
1002-010/TAW321/2014**

**TAJUK : MELAKSANAKAN
INVENTORI SUMBER HUTAN
NEGARA
(PREPARATION OF THE NATIONAL
FOREST INVENTORY)**

**TAWARAN : JPH/B00405/TAW322/2014
TAJUK : KONTRAK MEMBERSIH
KAWASAN PERKHEMAHAN DAN
SEKELILINGNYA DI TAMAN
REKREASI HUTAN BERAKAS**

Ditutup pada :

**Hari Selasa, 18 Mac 2014,
jam 2.00 petang**

Di Peti Tawaran

**Lembaga Tawaran Kecil,
Tingkat Bawah
Kementerian Perindustrian,
dan Sumber-Sumber Utama,
Bandar Seri Begawan BB3910,
Negara Brunei Darussalam.**



JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

DIBUKAKAN PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DI DALAM KELAS III (II III & IV) DI BAWAH KATEGORI KA01 ATAU E01 ATAU M03 SAHAJA
TARIKH AKHIR MENGAMBIL DOKUMEN TAWARAN : 15 MAC 2014 (SABTU)
TARIKH TUTUP : 1 APRIL 2014 (SELASA) HINGGA JAM 2.00 PETANG
BIL : JKR/DDS 005/2014-(SEW) T.II0 MENGENDALI DAN MEMELIHARA LOJI RAWATAN KUMBAHAN GADONG (2014-2017)
NOMBOR PROJEK: 13/DDS(SE)/B00410
JUMLAH YURAN TAWARAN : BND25.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)

DIBUKAKAN PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DI DALAM KELAS VI DI BAWAH KATEGORI KA01 SAHAJA
TARIKH MENGAMBIL DOKUMEN TAWARAN : 26 FEBRUARI 2014
TARIKH TERAKHIR MENGAMBIL DOKUMEN TAWARAN : TIDAK LEWAT DARI JAM 2.30 PETANG, HARI SELASA, 18 MAC 2014
TARIKH TUTUP TAWARAN : 25 MAC 2014 (SELASA), JAM 2.00 PETANG
BIL : JKR/DOR/SRC03/2014
PEMBINAAN JALAN PENGHUBUNG JERUDONG - TUNGKU FASA 3 - TERMASUK SPG 126 DAN SPG 324 JALAN PEN GHUBUNG RIMBA UTARA
JUMLAH YURAN TAWARAN : BND2,000.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)

DIBUKAKAN PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DI DALAM KELAS IV & V DI BAWAH KATEGORI KA01 SAHAJA
TARIKH MENGAMBIL DOKUMEN TAWARAN : 26 FEBRUARI 2014
TARIKH TERAKHIR MENGAMBIL DOKUMEN TAWARAN : TIDAK LEWAT DARI JAM 2.30 PETANG, HARI SELASA, 18 MAC 2014
TARIKH TUTUP TAWARAN : 25 MAC 2014 (SELASA), JAM 2.00 PETANG
BIL : JKR/DOR/SRC04/2014
MELAPIS SEMULA JALAN-JALAN

UTAMA DI DAERAH BELAIT - JALAN SERIA - TUTONG (JALAN LIANG-TELISAI) - FASA II
JUMLAH YURAN TAWARAN : BND500.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)

DIBUKAKAN PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DI DALAM KELAS IV DI BAWAH KATEGORI KA01 SAHAJA
TARIKH MENGAMBIL DOKUMEN TAWARAN : 26 FEBRUARI 2014
TARIKH TERAKHIR MENGAMBIL DOKUMEN TAWARAN : TIDAK LEWAT DARI JAM 2.30 PETANG, HARI SELASA, 18 MAC 2014
TARIKH TUTUP TAWARAN : 25 MAC 2014 (SELASA), JAM 2.00 PETANG
BIL : JKR/DOR/SRM05/2014
MENAIKTARAF JAMBATAN YANG SEDIA ADA - FASA 2: KERJA-KERJA MENAIK TARAF DAN MEMBAIK PULIH JAMBATAN - PAKEJ 2
JUMLAH YURAN TAWARAN : BND500.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)

DIBUKAKAN PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DI DALAM KELAS IV, V & VI DI BAWAH KATEGORI 3 (KA01) SAHAJA
HINGGA JAM 2.30 PETANG, HARI SELASA : 11 MAC 2014
TARIKH TUTUP: 25 MAC 2014 (SELASA), JAM 2.00 PETANG
BIL : JKR/DWS/005/2014
MENGANTI DAN MENGUBAH SUAI LALUAN PAIP AIR UTAMA 760MM STEEL DARI TANGKI INDUK MELABAU
JUMLAH YURAN TAWARAN : BND500.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)

DIBUKAKAN PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DI DALAM KELAS III, IV & V SAHAJA DI BAWAH KATEGORI B01 (2,4A), KPB12 (5F), S02, S03 (4C) SAHAJA
HINGGA JAM 2.30 PETANG, HARI SELASA : 11 MAC 2014
TARIKH TUTUP: 25 MAC 2014 (SELASA), JAM 2.00 PETANG
BIL : JKR/DWS/006/2014
KONTRAK PENGGAL BAGI

KERJA-KERJA PEMBERSIHAN DAN PEMELIHARAAN BANGUNAN DAN KAWASAN BAGI LOJI RAWATAN AIR BUKIT BARUN, TUTONG TERMASUK STESEN PAM AIR MENTAH KUALA ABANG DAN BABANG SUNGAI TUTONG
JUMLAH YURAN TAWARAN : BND100.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)

DIBUKAKAN PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DI DALAM KELAS IV, V & VI DI BAWAH KATEGORI KA01 SAHAJA
TARIKH TERAKHIR MENGAMBIL DOKUMEN TAWARAN PADA : 11 MAC 2014 (SELASA)
TARIKH TUTUP PADA : 25 MAC 2014 (SELASA), HINGGA JAM 2.00 PETANG
BIL : JKR/DTS/05/BKT//2014-T/V
KERJA-KERJA MEMBAIK PULIH CERUN DI JALAN MASUK MENUJU TEMPAT MELIHAT ANAK BULAN & MENARA AITI DST, BUKIT SHAHBANDAR
NO. PROJEK: (316/14)JKR/BKT/KB/BM1189
JUMLAH YURAN TAWARAN DAN YURAN E-DOKUMEN : \$500.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)

DIBUKAKAN PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DI DALAM KELAS IV, V & VI DI BAWAH KATEGORI KA01 SAHAJA
TARIKH TERAKHIR MENGAMBIL DOKUMEN TAWARAN PADA : 11 MAC 2014 (SELASA)
TARIKH TUTUP PADA : 25 MAC 2014 (SELASA), HINGGA JAM 2.00 PETANG
BIL : JKR/DTS/11/BKT//2014-T/V
KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH CERUN PAILON ELEKTRIK DI SPG, 715 KG JANGSAK
NO. PROJEK: (316/14)JKR/BKT/KB/BM1189
JUMLAH YURAN TAWARAN DAN YURAN E-DOKUMEN : \$30.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)

DIBUKAKAN PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DI DALAM KELAS IV, V & VI DI BAWAH KATEGORI KA01 SAHAJA
TARIKH TERAKHIR MENGAMBIL DOKUMEN TAWARAN PADA : 11 MAC 2014 (SELASA)

TARIKH TUTUP PADA : 25 MAC 2014 (SELASA), HINGGA JAM 2.00 PETANG
BIL : JKR/DTS/09/BKT//2014-T/V
KERJA-KERJA MEMBAIK PULIH CERUN TANGKI AIR DI BELAKANG RUMAH NO.46, JALAN 11 SPG 42 LAMBAK KANAN
NO. PROJEK: (363/14)JKR/BKT/KB/BM1189
JUMLAH YURAN TAWARAN DAN YURAN E-DOKUMEN : \$50.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)

Syarat-Syarat Tawaran :
TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat Bawah, Kementerian Pembangunan, Berakas BB3510, Negara Brunei Darussalam (kecuali) lain daripada alamat yang dinyatakan dalam iklan atau dokumen tawaran.
Tawaran-tawaran yang diterima lewat daripada tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.
Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi (sealed) dengan menyatakan tajuk projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan di hantar kepada alamat yang dinyatakan dalam dokumen tawaran.
Dokumen-dokumen tawaran boleh dilihat dan diperolehi dari Unit Pembahagian Dokumen, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Dokumen tawaran yang dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait (bilangan tawaran yang dimulai dengan huruf ("JKR/DBSKB ...")) boleh dilihat dan diperolehi dari Unit Kontrak, Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam.
Yuran tawaran tidak akan dikembalikan kepada mana juga kontraktor sama ada berjaya atau tidak kecuali kerja-kerja yang ditawarkan dibatalkan.
Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan, setiap pemborong dikehendaki membawa sijil pendaftaran kontraktor dan pembekal yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam kelas yang ditetapkan dan dikehendaki membayar yuran tawaran.
Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan.
Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima tawaran-tawaran yang terendah atau lain-lain tawaran.



KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**KENYATAAN TAWARAN
BILANGAN TAWARAN:
05/FEB/2014/KKBS/PJK/16.105
TAJUK TAWARAN: KONTRAK
PENGGAL 24 (DUA PULUH EMPAT)
BULAN MEMBEKAL PAKAIAN BAGI
MAJLIS KEUGAMAAN PROGRAM
KHIDMAT BAKTI NEGARA (PKBN).**

1. TAWARAN dibukakan kepada syarikat-syarikat tempatan yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.
2. Syarikat-syarikat yang dimiliki oleh kakitangan Kerajaan dan seumpamanya tidak akan dilayan dan tidak sah untuk dinilai.

3. Dokumen tawaran boleh diperolehi dari Bahagian Kewangan, Tingkat 1, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan, Negara Brunei Darussalam semasa hari/waktu bekerja.

4. Penerangan lanjut boleh dirujuk kepada pegawai penyelia kerja dari Unit Pengurusan Estet, Tingkat Bawah Tanah (Basement Level), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan, Negara Brunei Darussalam.

5. Yuran Tawaran adalah \$50.00 sahaja bagi setiap tawaran dan tidak akan dikembalikan kepada setiap pemborong sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang sah ('bona-fide tender').

6. Tawaran hendaklah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi ('sealed') dengan me-

nyatakan bilangan dan tajuk tawaran serta tarikh tutup tawaran tanpa menyatakan nama penender/syarikat dengan dialamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan, BS8110, Negara Brunei Darussalam.

7. Tawaran yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang disediakan di:

**Tingkat 1, Ruang Masuk/Penyambut
Tetamu (depan kaunter sekuriti)
Bangunan Kementerian Kebudayaan,
Belia dan Sukan,
Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan,
BS8110,
Negara Brunei Darussalam.**

Tidak lewat 4 Mac 2014 jam 2.00 petang hari Selasa.

8. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.

9. Tarikh terakhir mengambil dokumen tawaran adalah pada hari Sabtu, 1 Mac 2014 jam 11.00 pagi.

10. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.

11. Sebelum dokumen tawaran dikeluarkan, setiap syarikat dikehendaki membawa dan menghadapkan salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan (Business Enactment Section 16 & 17) dan dikehendaki membayar yuran tawaran dengan kadar yang telah ditetapkan.

12. Setiap borang tawaran yang telah diisi dengan lengkap hendaklah menyertakan salinan sijil pendaftaran (seperti kenyataan para 11) dan salinan resit pembayaran yuran tawaran (seperti kenyataan para 5).

13. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

14. Syarikat yang menolak atau membatal tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi akan dikenakan denda selaras mengikut peraturan dan garis panduan yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara, rujukan LTN/4(39/1997).



JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK JABATAN PERDANA MENTERI

**JEMPUTAN UNTUK
MEMBERI SEBUT HARGA
JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK**

Bil. Tawaran :
JPE / LTK / KOP/ 075 / 2013

Tajuk Sebut Harga :
ENABS SOFTWARE & SUPPORT MAINTENANCE
AGREEMENT FOR THE PERIOD OF TWO (2)YEARS
Tarikh Tutup : 4 MAC 2014,
(Hari Selasa) Jam 2.00 Petang

Yuran Tawaran : B\$ 50.00
(tidak dikembalikan)

Tempat Tutup :
'TENDER BOX'

PENGERUSI LEMBAGA
TAWARAN KECIL
JABATAN PERDANA
MENTERI

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

KELAYAKAN:

Pemborong yang mempunyai / sijil Pendaftaran Perniagaan Negara Brunei Darussalam Bab 16 & 17 atau Sijil Pengakuan Penubuhan Syarikat Persendirian Negara Brunei Darussalam dibawah akta Syarikat-syarikat Penggal 39 yang berkaitan dengan kerja-kerja yang dimaksudkan diatas.

Dokumen-dokumen tawaran boleh dilihat diperolehi dari Unit Pendaftaran, Bahagian Perdagangan, Tingkat 1, Jabatan Perkhidmata Elektrik, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

PERHATIAN:

Sila sertakan salinan "BUSINESS NAMES ENACTMENT, 1958 - SECTION 16 & 17 dan sijil pendaftaran pemborong (MOD) semasa menghantar dokumen ini ke Jabatan Perkhidmatan Elektrik.



**KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**



آنوکڑہ کا مجموعہ چمک

MAJLIS ANUGERAH KAMPUNG CEMERLANG
PERINGKAT KEBANGSAAN
Kali Ke-3



MAJLIS-MAJLIS PERUNDINGAN KAMPUNG YANG TERPILIH MEMASUKI PERINGKAT KEBANGSAAN:

Daerah Brunei dan Muara

1. Majlis Perundingan Kampung STKRJ, Kampung Lambak Kiri
2. Majlis Perundingan Kampung STKRJ, Rimba
3. Majlis Perundingan Kampung Putat
4. Majlis Perundingan Kampung Pudak
5. Majlis Perundingan Kampung Jerudong
6. Majlis Perundingan Kampung Belimbing
7. Majlis Perundingan Kampung Kawasan 2 RPN Kampung Rimba
8. Majlis Perundingan Kampung Masjid Lama, Pekan Muara
9. Majlis Perundingan Kampung Bunut Perpindahan
10. Majlis Perundingan Kampung Kapok

Daerah Belait

1. Majlis Perundingan Kampung Mumong
2. Majlis Perundingan Kampung Sungai Teraban
3. Majlis Perundingan Kampung Pekan Kuala Belait
4. Majlis Perundingan Kampung Lumut 1
5. Majlis Perundingan Kampung STKRJ, Lorong 3 Selatan Seria

Daerah Tutong

1. Majlis Perundingan Kampung Padnunok
2. Majlis Perundingan Kampung Kiudang
3. Majlis Perundingan Kampung Bukit
4. Majlis Perundingan Kampung Menengah dan Bukit Sulang

Daerah Temburong

1. Majlis Perundingan Kampung Belais dan Buda-Buda
2. Majlis Perundingan Kampung Amo
3. Majlis Perundingan Kampung Lepong Baru
4. Majlis Perundingan Kampung Menengah

Kunjungilah PAMERAN KHAS Produk-Produk Kampung Yang Berkualiti dan Asli Tempatan

Tarikh : Khamis, 27 Rabiulakhir 1435 bersamaan 27 Februari 2014

Waktu : 9.00 pagi

Tempat : Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.



**JABATAN PELABUHAN
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

**QUOTATION NOTICE
NO. JP/SH5/2014-2015**

1. QUOTATIONS are invited from category MSB Class 2 or 3 or Qualified Marine Insurance Brokers for MARINE INSURANCE for Ports Department Tug and Pilot Boats.

2. Full quotations particulars and general conditions of contract can be obtained on payment of documentation fee of BND10 (not returnable) during office hours from TEBDER AND QUOTATION SECTION, 2ND FLOOR, PORTS DEPARTMENT, MINISTRY OF COMMUNICATIONS, MUARA BT1728, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

BIDDING CAN BE COLLECTED NOT LATER THAN 1ST MARCH 2014, A WEEK BEFORE CLOSING DATE.

3. Quotations are to be submitted in plain

sealed envelopes marked only with 'MARINE INSURANCE JP/SH5/2014-2015' at the top left hand corner and addressed to:

**THE CHAIRMAN
QUOTATION COMMITTEE
2ND FLOOR
PORTS DEPARTMENT
MINISTRY OF
COMMUNICATIONS
MUARA BT1728
BRUNEI DARUSSALAM.**

6. All quotations are to be received at the designated addresses by **2.00 p.m., 5TH MARCH 2014.**

7. The Government of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam does not bind itself to accept the lowest or any quotation.



**JABATAN PEPERIKSAAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

**SURAT PEMBERITAHUAN
JABATAN PEPERIKSAAN,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**BILANGAN: 2/2014
PEPERIKSAAN LONDON CHAMBER OF COMMERCE AND
INDUSTRY
[SERIES 3] JUN 2014**

Bertarikh: 12 Rabiulakhir 1435 / 12 Februari 2014
Rujukan: BE/DE/C/2.2

Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pendidikan memaklumkan bahawa Peperiksaan London Chamber of Commerce and Industry (LCCI) SERIES 3 Jun 2014 akan dibukakan pendaftaran nya pada:

Tarikh : 22 Februari 2014 hingga 13 Mac 2014
Tempat mengambil borang : Jabatan Peperiksaan,
Kementerian Pendidikan,

Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan BB3510

Jam : 8.00 pagi hingga 11.00 pagi dan 1.30 petang hingga 3.00 petang
(hari Isnin hingga Khamis),
8.00 pagi hingga 10.00 pagi (hari Sabtu)

Tarikh tutup pendaftaran : 13 Mac 2014 (Khamis)



**JABATAN PERKHIDMATAN POS
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

SYARAT-SYARAT TAWARAN

**Menjadi Pembekal Rasmi Kotak
Jabatan perkhidmatan Pos Secara
Konsainan**

**Rujukan Tawaran :
POS/T/01/JPP/2014-2015**

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat tempatan yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.

2. Bayaran dokumen tawaran dan pentadbiran sebanyak **\$10.00** setiap tawaran (tidak dikembalikan). Pembayaran hendaklah dibuat dengan wang tunai sahaja dalam matawang ringgit Brunei.

3. Dokumen dan borang tawaran serta syarat-syarat tawaran boleh didapati:-

**Bahagian Kewangan
Tingkat 1, Pejabat Besar Pos
Bandar Seri Begawan BS8611
Negara Brunei Darussalam**

4. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan diterima.

5. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar di dalam sampul surat yang tertutup:-

Supplying plastic Coded Security Clip Seal

**Rujukan Tawaran :
POS/T/01/JPP/2014-2015**

**Dialamatkan kepada:-
PETI SEBUT HARGA
Tingkat 1, Pejabat Ketua Pos Agung
Pejabat Besar Pos
Bandar Seri Begawan BS8611
Negara Brunei Darussalam.**

6. Tarikh tutup tawaran ialah pada hari **Selasa, 25 Februari 2014, jam 2.00 petang**. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh yang ditetapkan tidak akan diterima. Tarikh tutup hendaklah ditulis di atas sampul surat tawaran.

7. Tawaran-tawaran yang dihadapkan hendaklah menyertakan:-

- Salinan lesen rampaian yang sah
- Salinan sijil pendaftaran perniagaan 16 & 17

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah.



**UNIVERSITI
BRUNEI DARUSSALAM**

Pemohon-Pemohon terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah dipelawa untuk memohon jawatan berikut:-

JAWATAN : PEGAWAI PENYELIDIK
TANGGAGAI : B.2 EB.3 [\$2,270.00 - \$4,240.00]
KEKOSONGAN : 1 ORANG

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN:

- Mempunyai pengetahuan tentang keramian Ugama Islam, Adat Istiadat Negara, Adat Resam dan Kebudayaan Orang-Orang Melayu Brunei dan Perkembangan Sosial, Ekonomi dan Politik Negara Brunei Darussalam.
- Mempunyai Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Pengurusan / Pentadbiran Awam / Pentadbiran Perdagangan / Sumber Manusia atau Personel / Pengurusan Organisasi atau bidang bersesuaian.
- Boleh menulis dan bertutur dalam Bahasa Melayu dan Inggeris dengan baik.
- Pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan mestilah mempunyai laporan Penilaian Prestasi di tahap yang **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

- Bertanggungjawab kepada Ketua Bahagian / Ketua Unit.
- Membuat kerja-kerja penyelidikan Hal Ehwal Pentadbiran Awam dan seterusnya menyediakan ketas kerja / laporan mengenai dengan perkara-perkara yang berkaitan dengan kemajuan Perkhidmatan Awam.
- Membuat kerja-kerja penyelarasan, perancangan dan penilaian pelaksanaan ke atas Rancangan Perkhidmatan Awam 5 tahun.
- Membantu Ketua Bahagian / Ketua Unit dalam melaksanakan dasar-dasar dan program-program sumber tenaga manusia.
- Mengkaji, mengumpul dan menyediakan bahan-bahan maklumat yang berkaitan dengan bahagian masing-masing.
- Menyelia, mengawas dan memberi bimbingan kepada pegawai-pegawai bawahan di dalam memastikan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan kepada mereka dijalankan dengan jujur, cekap dan berkesan.

MENGHADAPKAN BORANG PERMOHONAN

Borang P1 serta keterangan lanjut boleh diperolehi di Bahagian Pentadbiran, Universiti Brunei Darussalam, Negara Brunei Darussalam. Borang-borang permohonan yang telah diisi dengan lengkap **beserta dengan salinan sijil-sijil** dan dokumen yang berkenaan hendaklah dikembalikan **tidak lewat pada hari Sabtu, 15 Mac 2014** ke alamat berikut:

**PENDAFTAR & SETIAUSAHA
UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM
JALAN TUNGKU LINK, GADONG BE1410,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
(UP: BAHAGIAN PENTADBIRAN)**

Bagi pemohon-pemohon yang terdiri daripada pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan melalui **Ketua Jabatannya** dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan tersebut dokumen-dokumen yang telah lengkap seperti berikut:

- SATU LAPORAN SULIT
- SALINAN PRESTASI BAGI TEMPOH 3 TAHUN KEBELAKANGAN (SEKURANG-KURANGNYA SANGAT BAIK)
- SATU SALINAN REKOD PERKHIDMATAN YANG TELAH DIKEMASKINIKAN.

Hanya pemohon-pemohon yang **disenaraipendek (shortlisted)** sahaja akan dihubungi bagi urusan temuduga.

Tarikh Iklan: 19 Februari 2014



Brunei DPMM FC S-League 2014 Home Fixtures

#	Date	Opponent
1	Feb 28	Warriors FC
2	Mar 23	Tampines Rovers FC
3	Apr 6	Courts Young Lions
4	Apr 11	Harimau Muda
5	Apr 25	Balestier Khalsa FC
6	May 9	Tanjong Pagar United FC
7	May 14	Albirex Niigata FC (S)
8	June 6	Home United FC
9	June 14	Geylang International FC
10	Aug 3	Hougang United FC
11	Aug 26	Woodlands Wellington FC



REGATA 2014

BRUNEI DARUSSALAM



Ahad, 30 Rabiulakhir 1435 bersamaan 02 Mac 2014

Bertempat di Dermaga Diraja, Bandar Seri Begawan



Diterbitkan oleh Jawatankuasa Kerja Publisiti dan Promosi Regata Brunei Darussalam 2014

AKC dorong MPK capai kecemerlangan

Oleh : Aimi Sani

Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 20 Februari. - Hanya 23 buah daripada 104 buah Majlis Perundingan Kampung (MPK) telah berjaya terpilih memasuki Peringkat Kebangsaan Anugerah Kampung Cemerlang (AKC) Kali Ke-3 Sesi 2012-2013 yang akan diadakan pada hari Khamis, 27 Februari 2014 di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas, di sini.

Setiasaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Dr. Haji Affendy bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, selaku Setiausaha Jawatankuasa Tertinggi AKC Peringkat Kebangsaan Kali Ke-3 berkata, MPK yang berjaya terdiri daripada 10 buah MPK dari Daerah Brunei dan Muara; lima MPK dari Daerah Belait; empat MPK dari Daerah Tutong dan empat MPK dari Daerah Temburong.

“Sebanyak lima anugerah akan diberikan sebagai pengiktirafan dan dorongan kepada MPK yang berjaya termasuk Anugerah Emas, Anugerah Perak, Anugerah Gangsa, Penghargaan dan Penyertaan,” jelasnya pada Sidang Media AKC Peringkat Kebangsaan Kali Ke-3, bertempat di Bilik Mesyuarat KHEDN.

MPK yang memenangi Anugerah Emas itu akan membawa pulang wang tunai sebanyak BND20,000; bantuan ‘Grant’ BND50,000 bagi projek pembangunan dan kesejahteraan beserta plak, piala dan sijil.

Pemenang Anugerah Perak akan membawa pulang wang tunai sebanyak BND15,000; bantuan ‘Grant’ BND40,000 bagi projek pembangunan dan kesejahteraan beserta plak, piala dan sijil.

Bagi Anugerah Gangsa akan membawa pulang wang tunai sebanyak BND10,000; bantuan ‘Grant’ BND30,000 bagi projek pembangunan dan kesejahteraan beserta plak, piala dan sijil.

“Bagi Kategori Penghargaan pula sebanyak dua penerima akan menerima wang tunai sebanyak BND7,000; bantuan ‘Grant’ BND15,000 bagi projek pembangunan dan kesejahteraan beserta plak dan sijil serta wang tunai BND3,000 selain plak dan sijil bagi setiap penyertaan,” tambah beliau.

Menurutnya pada sesi pertama (2008-2009) dan sesi kedua (2010-2011), belum ada MPK yang pernah memenangi Anugerah Emas dan Anugerah Perak.

Menyentuh mengenai aspek dan kriteria-kriteria penilaian AKC Peringkat Kebangsaan Kali Ke-3, beliau menjelaskan penilaian dibuat berdasarkan pencapaian dan kemajuan dalam aspek keagamaan, kebajikan, kemasyarakatan, sukan, kebudayaan dan keselamatan; aspek pengurusan dan pentadbiran; aspek perekonomian (projek perekonomian MPK); aspek pendidikan serta aspek keceriaan, keindahan dan kebersihan.

Pada majlis tersebut, pameran khas mengenai produk-produk kampung yang berkualiti dan asli tempatan yang dikenali sebagai Satu Kampung Satu Produk (1K1P) akan turut diadakan yang mana ianya akan dibahagikan kepada tujuh ruang.

Antara objektif utama AKC ini dianjurkan adalah bagi mempertingkatkan amalan kerjasama, semangat memucang-mucang, berinisiatif dan berpenglibatan aktif seluruh penduduk



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dr. Haji Affendy bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin memberi penerangan kepada media-media mengenai kempen Anugerah Kampung Cemerlang.

kampung untuk melahirkan masyarakat yang kuat beragama, harmoni, bersatu padu, berdisiplin, kreatif dan produktif.

Di samping itu ianya juga bertujuan sebagai pemangkin pembangunan dan kemajuan bagi kesejahteraan masyarakat kampung yang berdaya maju dan berdaya tahan selain menyemai nilai-nilai positif ke arah mewujudkan persekitaran kampung yang mesra alam, bersih, indah, ceria dan menarik.

Majlis AKC adalah merupakan salah satu usaha berterusan KHEDN dalam mengangkat MPK mencapai kejayaan dan melonjak ke arah kecemerlangan yang berterusan dan untuk meningkatkan lagi keberkesanan kepimpinan akar umbi ketua kampung di Negara Brunei Darussalam, selaku Pengerusi MPK yang mana keberkesanan kepimpinan institusi penghulu dan ketua kampung adalah penting sebagai teras dan landasan ke arah meningkatkan kualiti kehidupan masyarakat di mukim dan kampung sebagai penghubung kerajaan dengan rakyat dan rakyat dengan kerajaan.

Majlis AKC yang diadakan dua

tahun sekali ini diharapkan agar setiap kampung akan sentiasa terpacu untuk lebih berusaha memajukan kampung masing-masing bukan saja demi pertandingan malah demi kepentingan dan kemaslahatan masyarakat mukim dan kampung itu sendiri.

Orang ramai dialu-alukan hadir untuk mengunjungi Pameran Khas AKC selama dua hari bermula pada hari Khamis, 27 Februari 2014

bermula pukul 2.00 petang hingga 9.00 malam dan hari Jumaat, 28 Februari 2014 pada pukul 9.00 pagi hingga 11.30 pagi dan 2.30 petang hingga 5.00 petang.

Turut hadir pada Sidang Media tersebut ialah Timbalan Setiausaha Tetap KHEDN, Awang Haji Ismail bin Haji Manaf, pegawai-pegawai kanan selaku urusetia jawatankuasa tertinggi dan ahli-ahli jawatankuasa kerja media dan publisiti AKC.

1K1P MPK Senukoh tarik pengunjung

Berita dan Foto :
Hezlinawati Haji Abdul Karim

TEMBURONG, Rabu, 19 Februari. - Produk-produk yang dihasilkan di bawah projek Satu Kampung Satu Produk (1K1P) berjaya menarik perhatian pengunjung baik dari dalam mahupun dari luar negara.

Pagi tadi serombongan pegawai dari Central Narcotics Bureau (CNB), Republik Singapura membuat lawatan ke Majlis Perundingan Kampung (MPK) Senukoh bagi meninjau lebih dekat akan produk-produk yang dihasilkan oleh kampung berkenaan.

Semasa berada di kampung yang terletak di Mukim Labu itu, para pegawai yang diketuai oleh Pengarah CNB, Ng Ser Song berpeluang membuat lawatan ke Projek Pelancongan Budaya MPK Senukoh yang terletak di kawasan lapang berhadapan Balai Raya Orang Kaya Sura Haji Tuba bin Taliff.

Rombongan dipersembahkan dengan tarian kebudayaan puak Murut, cara-cara pembuatan makanan tradisi iaitu kelupis dan juga amping, selain berkesempatan bermain permainan tradisi dan sebagainya.

Seterusnya rombongan dibawa menyaksikan cara-cara pemprosesan



ROMBONGAN pegawai dari Central Narcotics Bureau, Republik Singapura semasa membuat lawatan ke Projek Pelancongan Budaya MPK Senukoh.

Mi Kering dan Mi Kuning Basah yang dihasilkan oleh ahli-ahli Biro Wanita MPK Senukoh, satu produk yang kini mendapat tempat dalam kalangan pengguna di negara ini.

Lawatan ke MPK Senukoh dibuat sejurus selepas rombongan membuat lawatan kerja ke Pos Kawalan Imigresen Labu di Mukim Labu dan diteruskan dengan lawatan kerja ke Kompleks Pemeriksaan Imigresen

Ujung Jalan di Pekan Bangar bagi berkongsi maklumat tentang cara-cara pemeriksaan yang lebih berkesan seperti yang dilaksanakan di Republik Singapura yang berhubung kait dengan pendedaran dan penyeludupan dadah.

Di samping itu lawatan kerja juga merupakan kesinambungan mesyuarat dua hala antara Biro Kawalan Narkotik (BKN) dan CNB yang diadakan di ibu negara kelmarin.

Undang-undang negeri jaga kepentingan awam

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 20 Februari. - Penggunaan ungkapan seperti Allahuakbar, Subhanallah, Assalamu'alaikum dan insya-Allah oleh orang yang bukan beragama Islam hanya akan dikira sebagai satu kesalahan jika ianya digunakan dalam penerbitan atau ucapan awam untuk menyatakan atau memperihalkan sesuatu fakta, kepercayaan, idea, konsep, perbuatan, kegiatan, perkara atau hal mengenai atau berkaitan dengan sesuatu agama selain agama Islam.

Ini adalah untuk mengelakkan kekeliruan atau salah faham yang menjejaskan akidah orang Islam, serta menjaga kesucian perkataan tersebut, walaupun kesalahan tersebut adalah kesalahan ta'zir (hukuman yang ditetapkan oleh pemerintah).

Walau bagaimanapun, penggunaan ungkapan tersebut dalam perbualan seharian untuk menghormati atau berinteraksi dengan orang Islam tidak menjadi kesalahan dan tidak terkandung di bawah Bab 217 dalam Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syar'iah 2013.

Setiap undang-undang yang dikuatkuasakan di setiap negeri bertujuan untuk menjaga kepentingan awam, dan dalam konteks Bab 217 dalam Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syar'iah 2013 adalah untuk menjaga kepentingan orang Islam.

Kesalahan di bawah Bab 217, iaitu Kesalahan Berhubung Dengan Penggunaan Perkataan Tertentu Berkaitan Dengan Agama Islam merupakan antara perkara yang diketengahkan semasa sesi taklimat mengenai Pembarigaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syar'iah, 2013 kepada ahli Dewan Perniagaan Orang India, berlangsung di Dewan Persidangan Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kampung Pulaie, di sini.

Hadir bagi menyampaikan taklimat berkenaan ialah Timbalan Pendakwa Syar'ie di Unit Perundangan Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Dayang Mahani binti Awang Haji Suhaili; Timbalan Penasihat Undang-Undang Kanan di Pejabat Peguam Negara, Jabatan Perdana Menteri (JPM), Dayang Hajah Hassanah binti Haji Hassan; Pegawai Ugama di Unit Perundangan Islam, KHEU, Dayang Saadatul Nazaha binti Haji Saiful Ashura; Timbalan Pendakwa Syar'ie di Unit Perundangan Islam, KHEU, Awang Haji Zuneidy bin Jumat; Pegawai Ugama di PDI, KHEU, Pengiran Norhayati binti Pengiran Haji Kasharan; Pegawai Penyelidik Ugama Kanan di Jabatan Mufti Kerajaan, JPM, Awang Haji Mas Reduan bin Haji Jumat.

Taklimat tersebut bertujuan untuk memberikan penerangan dan kefahaman mengenai kesalahan-kesalahan yang mengenakan hukuman *hadd*, *qisas*, *diyat* atau *arsy*, seperti mana yang ditetapkan oleh Al-Qur'an dan Hadith Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, menurut kaedah pembuktian yang juga ditetapkan oleh Al-Qur'an dan Hadith Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Di samping itu, penerangan turut merangkumi bagaimana hukuman-hukuman tersebut diturunkan kepada tahap hukuman yang bukan *hadd*, *qisas*, *diyat* atau *arsy*.

Perintah ini juga memperuntukkan kesalahan-kesalahan am yang mengenakan hukuman selain *hadd*, *qisas*, *diyat* atau *arsy*, yang dikenali sebagai hukuman *ta'zir* yang ditetapkan oleh pemerintah.

Pembarigaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syar'iah, 2013 akan dikuatkuasakan secara berfasa mulai bulan April 2014.

Lebih 800 sertai Regata Brunei Darussalam 2014



Oleh : Abdullah Asgar, Md. Khairulanwar Idris
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 20 Februari. - Dermaga Diraja Bandar Seri Begawan pada 2 Mac nanti sekali lagi akan menjadi tumpuan orang ramai khas peminat lumba perahu dan jeti kerana berlangsungnya Regatta Brunei Darussalam 2014.

SETIAUSAHA Urusetia Regata Brunei Darussalam 10, Awang Haji Sueb Rizal bin Haji Abd. Malek semasa ditemu bual oleh wakil **PELITA BRUNEI**.

Regata tahun ini dijangka disertai oleh lebih 800 peserta terdiri daripada para pengayuh tempatan dan luar negara, ia merupakan anjuran bersama Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama serta Persatuan Lumba Perahu Kebangsaan Brunei Darussalam.

Hal ini antara lain dijelaskan oleh Setiausaha Urusetia Regata Brunei Darussalam 10, Awang Haji Sueb Rizal bin Haji Abd. Malek dalam temu bual bersama wakil **PELITA BRUNEI** di KHEDN di sini.

Katanya, tugas urus setia sebagai ketua acara telah melaksanakan persediaan-persediaan seperti aturcara perlumbaan dan segala logistik-logistik dengan digabungkan sebagai satu kerja Regata Brunei Darussalam.

Acara-acara yang akan diadakan tambahnya, ialah lumba perahu tradisi,

bot laju, jet ski dan lumba perahu tambang.

Menurutnya, KKBS melalui Jabatan Belia dan Sukan juga telah menyediakan sesi latihan di perairan Brunei sebagai lokasi latihan setiap hari.

Para pengayuh dari Negara Brunei Darussalam akan menyertai semua acara termasuk acara jet ski dan lumba perahu tambang.

Jelasnya, sebarang pertanyaan bolehlah berhubung di Pejabat Urusetia Tingkat 4 di KHEDN atau melalui talian 2223225 atau hubungi *mobile* 7260053.

Terima hidayah nur Islam



Oleh : Abdullah Asgar
Foto : Masri Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 21 Februari. - Jumlah saudara-saudara baru di negara ini kian bertambah dengan pengislaman lagi seorang wanita bangsa Iban, Winnie Sambai Anak Elok yang kini dikenali sebagai Dayang Nur Athirah Umairah binti Abdul Mateen Elok.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berlangsung di Surau

Ibu Pejabat Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB), di sini ialah Pesuruhjaya Polis, Dato Seri Pahlawan Awang Bahrin bin Mohd. Noor dan Datin Rosminah binti Haji Abdul Hamid.

Pengislaman Dayang Nur Athirah telah dikendalikan oleh pegawai-pegawai dari Unit Pengislaman dan Bimbingan Saudara-Saudara Baru, Pusat Da'wah Islamiah.

TETAMU kehormat, Pesuruhjaya Polis, Dato Seri Pahlawan Awang Bahrin bin Mohd. Noor semasa menaburkan bunga rampai kepada Dayang Nur Athirah.

Dayang Nur Athirah merupakan seorang pelajar di Maktab Kejuruteraan Jefri Bolkiah, Kuala Belait, manakala ayahnya ialah seorang anggota PDB, Elok anak Used.

Majlis diserikan lagi dengan persembahan Dikir Asraqal dan menepung tawar serta bacaan doa selamat dipimpin oleh imam Surau Ibu Pejabat Polis.

Tahun lalu, kira-kira 539 orang telah memeluk ugama Islam, dan lebih 30 orang telah melafazkan ikrar Islam masing-masing sejak awal Januari lalu hingga setakat ini.

Juga hadir, Pemangku Timbalan Persuruhjaya Polis, pengarah-pengarah, timbalan-timbalan pengarah, para pegawai pemerintah daerah polis, ketua-ketua formasi dan unit, para pegawai dan anggota pangkat rendah.

Selain itu, hadir sama termasuklah ahli-ahli keluarga yang diraikan.

Sumbangan beras untuk warga emas

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali



PEGAWAI Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Jamain bin Momin menyerahkan sumbangan beras kepada salah seorang warga emas.

MUKIM SERASA, Jumaat, 21 Februari. - Kerjasama antara masyarakat berbilang kaum di negara ini dapat memupuk semangat perpaduan dan persefahaman dalam kehidupan berbangsa dan bernegara.

Salah satu daripadanya melalui acara pengagihan 225 guni beras kepada 112 orang penduduk yang

bermastautin di beberapa buah kampung di bawah Mukim Serasa.

Hadir menyerahkan pengagihan pagi tadi ialah Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Jamain bin Momin, berlangsung di kediaman penghulu mukim tersebut.

Juga hadir ialah Penasihat Mukim Serasa, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad bin Jumat, ketua-ketua kampung, ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim serta penduduk kampung di mukim berkenaan.

Penghulu Mukim Serasa, Mejar (B) Awang Haji Johari bin Haji Abdul Razak ketika ditemui berkata, sebilangan penerima, selain warganegara bangsa Melayu, mereka juga terdiri daripada kaum Tionghoa yang sudah lama menetap di mukim itu.

Katanya, sumbangan sebanyak dua guni beras wangi diberikan kepada setiap warga emas dan mereka yang kurang berkemampuan.

“Selain meringankan tanggungan para penerima ia juga mencerminkan keprihatinan terhadap penderitaan masyarakat yang kurang mampu,” ujarnya.



PENGHULU Mukim Serasa, Mejar (B) Awang Haji Johari bin Haji Abdul Razak semasa ditemui oleh wakil **PELITA BRUNEI**.

Pameran seni halus di Galeri Seni

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 21 Februari. - Jabatan Muzium-Muzium Brunei menjemput orang ramai khususnya para peminat seni halus ke Galeri Seni, Dermaga Diraja, di ibu negara untuk menyaksikan Pameran ‘Manik Se-Borneo’ yang telah dilancarkan pada November 2013 tahun lepas.

Dibuka untuk kunjungan sehingga 3 Mac 2014, pameran itu mengetengahkan kepelbagaian dan penggunaan manik di Kepulauan Borneo termasuk Pameran ‘Seni Halus Sulaman China’ mempamerkan 13 hasil seni tangan yang begitu terperinci.

Pameran Seni Halus Sulaman ini didatangkan dari Republik Rakyat China, dinamakan ‘Su Embroidery’ diambil daripada nama Suzhou dan kawasan persekitaran Jiangsu Province.

Sejarah awal Sulaman Su mengikut pensejarahan bermula pada musim Bunga abad ke-770-476 BC yang

ketika itu, sulaman digunakan sebagai perhiasan pada pakaian dan peralatan rumah.

Seni Sulaman Su yang diwarisi daripada ibu kepada anak, itu mengambil masa puluhan tahun untuk menguasai teknik-teknik daripada reka bentuk dan sulaman kepada pemasangan bingkai.

Lazimnya, sulaman yang berkualiti mengambil masa berbulan-bulan untuk disiapkan.

Usaha untuk meningkatkan seni halus ini telah dilaksanakan dan menghasilkan gabungan teknik sulaman lama dan baru.

Pada masa ini, Sulaman Su mengikuti perubahan zaman dengan tidak menghadkan hasil sulaman untuk perhiasan sahaja, tetapi juga digunakan untuk menghasilkan potret, replika lukisan-lukisan terkenal dan gabungan lukisan serta sulaman.

Brunei - Kuwait kukuhkan persahabatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 25 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada His Highness Sheikh Sabah Al-Ahmad Al-Jaber Al-Sabah, Amir Kuwait dan His Highness Sheikh Jaber Mubarak Al-Hamad Al-Sabah, Perdana Menteri Kuwait serta kerabat diraja dan kerajaan serta rakyat Kuwait sempena Hari Kebangsaan Kuwait.

Di dalam perutusan Kebawah Duli Yang Maha Mulia kepada His Highness Sheikh Sabah Al-Ahmad Al-Jaber Al-Sabah, Amir Kuwait, baginda sangat menghargai talian persaudaraan yang mesra lagi rapat yang wujud di antara Negara Brunei Darussalam dan Kuwait dan berharap untuk terus mengukuhkan persahabatan dan kerjasama di antara kedua-dua buah negara dan rakyat.

Sementara itu, dalam perutusan Kebawah DYMM kepada His Highness Sheikh Jaber Mubarak Al-Hamad Al-Sabah, Perdana



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada His Highness Sheikh Sabah Al-Ahmad Al-Jaber Al-Sabah, Amir Kuwait dan His Highness Sheikh Jaber Mubarak Al-Hamad Al-Sabah, Perdana Menteri Kuwait serta kerabat diraja dan kerajaan serta rakyat Kuwait sempena Hari Kebangsaan Kuwait.

Menteri Kuwait, baginda sangat menghargai persahabatan yang mesra serta kerjasama erat di antara kedua-dua buah negara dan rakyat dan baginda berharap untuk berpeluang lagi bagi mengukuhkan kerjasama yang sangat bernilai itu pada tahun yang akan datang.

Pada mengakhiri perutusan-perutusan tersebut, Kebawah DYMM berdoa ke hadrat Allah



Subhanahu Wata'ala semoga His Highness Sheikh Sabah Al-Ahmad Al-Jaber Al-Sabah, Amir Kuwait dan His Highness Sheikh Jaber Mubarak Al-Hamad Al-Sabah, Perdana Menteri Kuwait berada dalam, keadaan sihat sejahtera yang berterusan dan rakyat Kuwait menikmati kemajuan dan kemakmuran.

Sementara itu Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana



Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan juga menghantar perutusan yang sama kepada Tuan Yang Terutama Sheikh Sabah Khaled Al-Hamad Al-Sabah, Timbalan Perdana Menteri Pertama dan Menteri Hal Ehwal

Luar Kuwait.

Dalam perutusan itu Duli Yang Teramat Mulia melahirkan perasaan gembira menghantar penghormatan mendalam kepada His Highness Sheikh Sabah Al-Ahmad Al-Jaber Al-Sabah, Amir Kuwait bersama ucapan tahniah yang mesra kepada TYT dan kerajaan dan rakyat negara Kuwait sempena Hari Kebangsaan negara itu.

DYTM juga melahirkan perasaan sukacita bertemu TYT pada Mesyuarat Peringkat Menteri Dialog Kerjasama Asia di Manama, November lepas dan sangat menghargai sumbangan yang sangat bernilai dan kepimpinan yang diberikan oleh Kuwait bukan sahaja kepada organisasi tetapi juga kepada rantau tersebut.

Selain itu, DYTM juga sangat gembira melihat bahawa kedutaan kedua-dua buah negara pada masa ini kukuh dan banyak melaksanakan usaha untuk membawa rakyat kedua-dua buah negara lebih rapat bersama dalam persahabatan dan persefahaman.

DYTM juga mengucapkan salam dan ucap selamat kepada TYT dan keluarga bagi kesihatan dan kesejahteraan dan kepada rakyat negara Kuwait bergembira menikmati perayaan tersebut.

Memastikan pendidikan perlu relevan, berkesan



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong semasa mempengerusikan Sesi Muzakarah Bersama Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) di Pusat Tingkatan Enam Sengkurong. - Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali.

Dari muka 1

"Perubahan yang paling ketara yang dibawa oleh SPN21 ialah dalam struktur pendidikan dan kurikulum. Rangka kurikulum sebagai contoh dibina, di atas tanggapan bahawa pembelajaran adalah berterusan dan bahawa tujuan penting dalam persekolahan adalah untuk membentuk pelajar secara holistik, peningkatan pencapaian, pembangunan kemahiran pembelajaran sepanjang hayat dan menyediakan pelajar dengan kemahiran yang bernilai dan relevan kepada industri," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat menambah, sistem pendidikan hari ini tidak akan relevan jika kita tidak dapat merapatkan jurang antara bagaimana pelajar akan belajar dan bagaimana mereka akan menjalani kehidupan kerana apa yang sesuai hari ini mungkin tidak begitu pada masa hadapan.

Oleh itu, jelas Yang Berhormat, SPN21 juga bertujuan untuk menambah nilai dan meningkatkan kualiti pendidikan selaras dengan keperluan semasa dan keperluan yang dijangka pada tahun-tahun akan datang.

Menteri Pendidikan menyatakan, apa yang penting lagi, SPN21 juga akan tetap mendorong dan membangunkan nilai, etika dan peradaban dalam kalangan para pelajar selaras dengan falsafah negara Melayu Islam Beraja (MIB).

Secara ringkas, tambah Yang Berhormat, struktur pendidikan SPN21 adalah dilakar untuk membawa yang terbaik kepada para pelajar dengan menyediakan pelbagai laluan atau *multiple pathways* kepada pelajar untuk memilih program yang sesuai dengan keupayaan mereka, minat, kecenderungan, demi memenuhi keperluan mereka.

Jelas Yang Berhormat, ciri unik ini akan membolehkan para pelajar untuk disalurkan ke arah pelbagai laluan kerjaya atau pendidikan tinggi yang berasaskan kelayakan dan potensi mereka.

Berangkat ke Jakarta bagi hadiri CEPAD II



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan berbual mesra bersama Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng sejurus sebelum berangkat ke Jakarta, Republik Indonesia bagi menghadiri Persidangan Kerjasama Asia Timur bagi Pembangunan Palestin (2nd Conference on Cooperation Among East Asia Countries for Palestinian Development (CEPAD II) pada 1 Mac 2014.

**Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohd. Zul-Izzi
Haji Duraman**

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 25 Februari. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,

Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam, berangkat ke Jakarta, Republik Indonesia, bagi menghadiri Persidangan Kerjasama Asia Timur bagi Pembangunan Palestin (2nd Conference on Cooperation Among East Asia Countries for Palestinian Development (CEPAD II) pada 1 Mac 2014.

Berangkat ke Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat berangkat ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan dan pegawai-pegawai dari Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan.

Persidangan tersebut dianjurkan oleh Republik Indonesia.

'SYUKURI NIKMAT KEMERDEKAAN, BERBAKTI PADA RAJA, UGAMA DAN NEGARA'

دربیتکن اوله جباتن فتراغن، جباتن فردان منتری دان دجیتق اوله جباتن فرجیتقن کراجان، نگارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.